

Jilid IV
Bil. 5



MALAYSIA

Hari Jumaat
17hb Mei, 1974

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 385]

USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat—Perubahan [Ruangan 400]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pemegang Amanah Raya (Pindaan) [Ruangan 391]

Rang Undang-undang Perlindungan Pihakberkuasa Awam (Pindaan)
[Ruangan 400]

Rang Undang-undang Senjatapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan) [Ruangan
412]

Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah (Pindaan)
[Ruangan 441]

Rang Undang-undang (Perbadanan) Institiut Negara bagi Penyelidikan
Sains dan Perusahaan (Pindaan) [Ruangan 446]

Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) [Ruangan 451]

MALAYSIA
PARLIMEN YANG KETIGA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEEMPAT

Hari Jumaat, 17hb Mei, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N. (Dilantik).
„ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).
„ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Dilantik).
„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
„ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
„ TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
„ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
„ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
„ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
„ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
„ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
„ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
„ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
„ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
„ DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
„ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
„ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
„ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
„ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
„ TUAN AWANG DAUD BIN MATUSIN (Dilantik).
„ TUAN HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID (Dilantik).
„ DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- .. DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- .. DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- .. TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- .. TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- .. TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- .. DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- .. TUAN LEW SIP HON (Dilantik).
- .. DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- .. TUAN G. LOUIS, J.P. (Dilantik).
- .. DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- .. TUAN HAJI MOHD. SAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- .. DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- .. DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- .. TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- .. TUAN OOI ENG HONG (Kedah).
- .. TUAN HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- .. TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- .. DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- .. WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- .. TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- .. TUAN YEAP KHENG YAM, P.J.K. (Perak).
- .. TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am, PUAN ALSHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- .. TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.J. (Johor).
- .. TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
- .. DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMED, P.G.D.K. (Sabah).
- .. DR LIM KENG YAIK (Dilantik).

Yang Berhormat DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kedah).

- .. TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- .. DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- .. DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara, Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Shariff bin Md. Saad

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PEKERJA-PEKERJA KILANG

1. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan apakah tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan bahawa setiap kilang di negara ini mengambil pekerja-pekerjanya mengikut quota kaum.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ialah menerusi lawatan-lawatan tempat-tempat pekerjaan oleh Yang Berhormat Menteri itu sendiri, oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan pegawai-pegawai Kementerian untuk menentukan bahawa tiap-tiap satu tempat pekerjaan termasuk kilang-kilang mengambil pekerja-pekerjanya yang mencerminkan pecahan penduduk mengikut kaum di negeri ini. Semua majikan-majikan telah dinasihatkan supaya mengambil pekerja-pekerja yang mencerminkan pecahan penduduk mengikut kaum di negeri ini. Alat-alat siberan am seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum adalah juga digunakan dengan meluasnya untuk makluman semua majikan supaya mengambil pekerja-pekerja yang sebagaimana tersebut di atas.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat sedar pada mulanya majikan di kilang-kilang mengambil kaum bumiputra, tetapi setelah tiga empat bulan kemudian pekerja-pekerja bumiputra itu beransur-ansur diberhentikan dengan alasan kurang kemahiran.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Kita sedar, tetapi bukan semua, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita dapat aduan seperti itu pegawai Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sentiasa menyasat samada pekerja bumiputra itu pemalas atau kurang mahir

atau menjadi mangsa pada mereka itu. Kalau ada aduan semacam itu, memang kita siasat.

LESEN-LESEN TEKSI

2. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Perhubungan menyatakan bilangan lesen-lesen teksi yang dikeluarkan dalam tahun 1973 dengan memberi angka-angka pecahan bagi China dan India mengikut Negeri dan samada lesen-lesen ini dikeluarkan mengikut quota kaum di negara ini.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Wong Seng Chow): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan supaya tidak menyiarkan butir-butir yang dikehendaki itu mengikut pecahan kaum. Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat ingin melihat butir-butir tersebut, bolehlah datang ke Kementerian saya supaya dijelaskan bilangannya.

Tuan Zainuddin bin Haji Mohd. Sidin: Soalan tambahan. Apakah syarat-syarat yang dikehendaki untuk memohon lesen teksi itu?

Tuan Wong Seng Chow: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa satu permit teksi diberi kepada tiga kaum dan masalah ini menyulitkan?

Tuan Wong Seng Chow: Saya sedar.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, untuk menyambung jawapan itu memang ada kadang-kadang oleh sebab bumiputra itu tidak cukup wang mereka suka hendak joint venture secara kecil. Kalau orang kaya dia buat joint venture yang besar, tetapi orang kampung tidak cukup wang mereka bermufakat samada dengan seorang India atau seorang China setelah ketiga-tiganya cukup wang mereka berkongsi memohon teksi, kadang-kadang dapat, tetapi disiasat dahulu. Kadang-kadang ketiga-tiga itu berhak boleh menjalankan teksi itu dengan bergelir-gelir, tetapi ada syaratnya. Kita sedar benda itu, berkongsi itu memang betul ada kesusahan timbul.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Bolehkah Kerajaan menimbangkan semula sistem itu? Umpamanya, diberikan mengikut kaum, sebab kalau bumiputra memiliki lesen teksi, dia boleh meminjam wang daripada badan-badan seperti MARA, tetapi cara berkongsi bertiga ini banyak kali didapati bumiputra ini biasanya mengambil telur sahaja.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Betul, Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lalu memang ada berkongsi. Pada masa akan datang oleh sebab ada kesenangan (facilities) bagi bumiputra meminjam dari MARA dan lain-lain, saya tidak fikir Kementerian Perhubungan akan membenarkan lagi dengan cara berkongsi. Kalau ada berlaku sebagaimana kata Yang Berhormat itu, saya rasa yang bodohnya kaum kita sendiri sebab mengambil lesen teksi, duduk di rumah, teksi itu "Ali-Babakan" kepada orang lain. Kita tidak boleh salahkan orang lain.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan atas dua perkara.

Yang pertama, barangkali Yang Berhormat Menteri sedar bagaimana kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pengguna-pengguna teksi di Bandaraya Kuala Lumpur sekarang. Walaupun kita tahu lesen-lesen ini telah banyak dikeluarkan tetapi masih lagi pengguna terpaksa kadang-kadang menunggu di tepi jalan sampai setengah jam tidak boleh mendapat kenderaan ini terutamanya sekali kalau ada hujan sedikit-sedikit. Apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah ini, samada hendak menambah teksi lagi ataupun hendak menentukan supaya teksi-teksi yang telah ada seorang passenger terpaksa mesti mengambil lagi passenger yang menunggu di tepi jalan untuk mengatasi masalah ini.

Yang kedua, saya ingin hendak bertanya, salah satu cara untuk mengatasi kesulitan-kesulitan tidak cukup kenderaan private, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang hendak menimbangkan berhubung dengan syarat berkenaan dengan jumlah passenger dalam sesuatu teksi sebagaimana di Singapura, kereta Mercedes dibenarkan mengambil lima passenger, tetapi yang saya tahu di negara kita ini masih lagi dihadkan empat orang sahaja sedangkan lima orang itu

memang boleh. Apakah lagi di zaman inflasi sekarang bahawa harga minyak dan spare parts adalah mahal dan berbagai-bagai lagi, saya rasa kalau diberi pertimbangan untuk lima orang boleh meringankan pengusaha-pengusaha teksi yang kecil-kecil.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Jawapan kepada soalan yang kedua itu memang satu cadangan yang bagus dan saya akan timbangkan bahawa kereta-kereta yang besar-besar seperti Mercedes dan lain-lain mengambil 5 orang penumpang dengan sebab kita kekurangan minyak. Perkara itu akan ditimbang.

Berkenaan perkara yang pertama, pada masa ini adalah didapati mencukupi teksi yang ada di Kuala Lumpur. Sebagaimana Yang Berhormat maklum walau hujan sedikit sekali pun semuanya memakai teksi. Kalau diadakan dua kali ganda sekali pun tidak akan cukup juga tetapi dikebayangkan hari yang tidak hujan (masa hujan ini pendek) kalau kita tambahkan banyak teksi kerana hendak mencukupi masa hujan atau masa ada sports dan lain-lain, saya bimbang dengan sebab banyak sangat teksi orang yang menjalankannya menyebabkan pemandu teksi itu tidak cukup makan. Walau bagaimanapun, perkara ini akan ditimbang dari semasa ke semasa.

PESAKIT-PESAKIT KUSTA

3. **Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kementerian ini akan menimbang menghantar balik pesakit-pesakit kusta yang telah sembuh ke kampung-kampung mereka masing-masing dengan memberikan mereka bantuan kewangan setiap bulan.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang sentiasa menggalakkan pesakit-pesakit kusta yang sudah baik itu balik ke kampung-kampungnya masing-masing kerana Kementerian Kesihatan ini mempunyai keyakinan bahawa rawatan atau penyembuhan penyakit itu sahaja tidaklah mencukupi melainkan mereka yang baik itu di rehabilitasikan atau diberi permulihan semula selepas rawatan dengan tujuan supaya dapat mereka itu berpeluang balik kepada masyarakatnya semula sebagai rakyat yang berguna.

Bagi melaksanakan tujuan ini, Kementerian Kesihatan telah bekerjasama dengan Persatuan Bantuan Kusta Malaysia bagi memberi bantuan dan elaun-elaun bulanan bagi pesakit-pesakit yang telah baik dan yang ingin memulakan kehidupan baru.

Satu Jawatankuasa Pemulihan Bersama yang mengandungi ahli-ahli daripada Persatuan Bantuan Kusta Malaysia dan Pusat Mengawal Kusta Negara, Sungai Buloh telah dibentuk untuk menentukan jumlah dan jenis-jenis bantuan yang patut di beri selepas dikaji tiap-tiap satu kes. Sejumlah \$117,000 telah diberi sebagai bantuan dan elaun bulanan pada tahun 1973.

Kementerian Kesihatan sedar bahawa institusi bukanlah tempat yang sesuai untuk pesakit-pesakit yang telah sembuh tinggal berpanjangan kerana ini menimbulkan prejudis ke atas bekas pesakit tersebut dan juga menjatuhkan moral pesakit-pesakit yang berkenaan, sebab itulah segala usaha dijalankan untuk menghantar balik pesakit-pesakit yang telah sembuh ke kampung-kampung masing-masing dengan diberi bantuan kewangan yang sesuai.

Tuan Zainuddin bin Haji Mohd. Sidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pesakit-pesakit kusta ini apabila sudah sembuh, mengikut kata doktor, adakah doktor memberi certificate? Misalnya, pesakit kusta itu seorang anak dara, bolehlah Kadi menengok yang dia tidak ada penyakit lagi dan boleh dinikahkan? Adakah doktor memberi certificate yang mengesahkan bahawa orang ini sembuh kesemuanya?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soalan yang baru, tetapi apa yang saya telah diberitahu bahawa pesakit-pesakit yang telah kita keluarkan daripada Pusat Pemulihan ini adalah sudah completely cured.

PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BELIA—BANTUAN KEWANGAN

4. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan bagaimanakah peruntukan-peruntukan wang kepada badan-badan belia di negara kita dibahagi-bahagikan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, bantuan kewangan diberi kepada pertubuhan-pertubuhan belia adalah dengan cara yang berikut:

Yang pertama, ialah bantuan pentadbiran dan bantuan ini adalah terhad mengikut besar atau kecilnya pertubuhan itu di dalam pentadbiran.

Yang kedua, ialah bantuan projek persatuan belia dan jumlah bantuan yang diberi adalah bergantung kepada jenis dan nilai projek yang dikemukakan. Keputusan mengeluarkan bantuan adalah bergantung kepada pertimbangan samada projek itu memberi faedah kepada belia atau tidak. Itulah caranya.

BERAS—KEPERLUAN

5. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan bilakah pengeluaran padi akan cukup untuk negara kita.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha yang ber-sungguh-sungguh untuk mendapatkan keperluan beras yang cukup bagi negara ini sedang dan akan terus dilaksanakan.

Di antaranya, Kementerian Pertanian, dari satu masa kesatu masa, sentiasa menjalankan penyiasatan dan penyelidikan bagi mendapatkan benih-benih padi yang bermutu dan boleh mengeluarkan hasil yang banyak, menyediakan kemudahan-kemudahan perairan yang sempurna disegenap bendang atau sawah padi dan menggalakkan petani-petani menggunakan baja-baja, bahan-bahan dan alat-alat saintifik yang perlu, disamping memimpin petani-petani supaya melipatgandakan tenaga dan bekerja secara berdisiplin.

Dalam pada itu Kementerian itu juga sentiasa berusaha untuk menambahkan kawasan bendang, istimewa di negeri-negeri Sabah dan di Sarawak.

Dengan sempurnanya usaha-usaha itu dan setelah semua kawasan-kawasan padi dalam Rancangan Perairan yang besar-besar dapat diusahakan penanaman padi dua kali setahun, adalah di jangka kita akan dapat mengadakan keperluan beras yang cukup bagi negeri ini dan kehendak negara di akhir tahun-tahun tujuh puluhan.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Soalan tambahan. Mengikut jawapan Peguam Negara tadi keperluan beras akan cukup dalam tahun tujuh puluhan. Tujuh puluhan ini nampaknya banyak sangat. Bolehkah di-beri cepat kerana 1979 pun tujuh puluhan juga. Adakah tahun 1975, 1976 atau 1977?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, benda yang akan datang itu ahli nujum sahaja yang akan dapat tahu. Ini mengikutlah keadaan masa, kewangan, kesanggupan rakyat, tetapi susah kita hendak tetapkan bila masanya.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEMEGANG AMANAH RAYA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.59 *ptg.*

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Pemegang Amanah Raya (Pindaan), 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini, ialah untuk menyusun semula Jemaah Pelaburan Pemegang Amanah Raya yang ditubuhkan di bawah Seksyen 13, Ordinan Pemegang Amanah Raya, 1950. Di bawah undang-undang itu yang ada sekarang ini Pengerusi Jemaah itu ialah seorang pegawai awam (public servant) yang dilantik oleh Menteri.

Adalah dicadangkan sekarang, Peguam-cara Negara yang sekarang menjadi Ahli Jemaah itu dilantik sebagai Pengerusi dan seorang lagi pegawai awam dilantik menjadi ahli. Walau bagaimanapun, jumlah bilangan Ahli Jemaah itu tidak berubah iaitu tujuh orang.

Di masa yang lampau Pengerusinya ialah Ketua Setiausaha Kementerian Keadilan dan Kementerian itu kita telah hapuskan dan tidak ada lagi dan adalah dicadangkan Peguamcara Negara sendiri akan jadi Pengerusi Jemaah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Wong Seng Chow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

2.50 *ptg.*

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana mengemukakan Rang Undang-undang ini. Kita dari satu masa ke satu masa sepatutnyalah berbuat demikian, iaitu undang-undang yang elok pada satu masa diperelokkan lagi dan undang-undang yang tertinggal pada satu masa oleh satu-satu sebab, diperbetulkan.

Ada satu perkara yang saya hendak kemukakan kepada Kerajaan, terutamanya kepada Yang Berhormat Peguam Negara; iaitu pihak Peguam Negara kita nampaknya tidak dapat membuktikan atau menunjukkan kepada Dewan ini hikmat dan sebab-sebab keelokan dan kecantikannya mengapa kita patut mengubah jawatan "pengerusi" daripada seorang pegawai awam kepada seorang Solicitor-General. Apa yang dapat dikemukakannya hanya pada masa dahulu Badan ini dipengerusikan oleh seorang Pegawai Awam yang sekarang ini dicadangkan supaya diganti dengan Solicitor-General. Tetapi yang mana lebih baik tidakpun dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan begitu ialah kerana tidak ada makna kalau sekiranya kita semata-mata menukar orang apatah lagi anggota-anggota bagi Badan ini masih sebanyak itu juga. Kerajaan sepatutnya memberitahu kepada Dewan ini iaitu kalau Badan ini dahulunya dipengerusikan oleh seorang pegawai awam, maka perjalanannya tidak elok, pincang, kurang cergas, maka dengan demikian kita meletakkan Solicitor-General menjadi pengerusi. Saya rasa itulah perkara yang Dewan ini menunggu; tidaklah semata-mata sebab hendak menukar orang ataupun kerana pada masa itu pegawai itu ialah ketua bagi satu Kementerian, dan apabila Kementerian itu lenyap, kita tukar kepada orang lain, dengan tidak ada kenamengena dengan substantial, dalam tugas dia sendiri.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya juga awal-awal lagi suka mengemukakan kepada pihak Kerajaan, terutama kepada Peguam Negara iaitu Solicitor-General ini, kalau tidak silap saya, ialah tokoh ataupun orang undang-undang yang kedua dalam

negara kita selepas Peguam Negara. Peguam Negara sendiri ialah seorang politician ataupun perantikannya itu adalah bersifat political status, dan kalau sekiranya Peguam Negara tidak hadir di dalam Dewan ini ataupun demam ataupun masuk Pilihanraya pada bulan Ogos yang akan datang ini dan kalah misalnya, siapa pula yang hendak menggantikannya itu? Orang yang patut menggantinya mestilah seorang peguam juga iaitu seorang Solicitor-General. Saya mengemukakan kepada Kerajaan supaya walaupun pada waktu ini tidak dapat kita meminda Rang Undang-undang ini, tetapi pada bulan Julai iaitu boleh jadi Dewan kita mengadakan mesyuarat pada kali yang terakhir, kita hendaklah melantik Solicitor-General dan selepas pilihanraya beliau hendaklah seorang politician juga sama dengan kedudukan Peguam Negara. Cara ini menjadi praktis bagi negeri-negeri yang "civilised" dan di negeri-negeri yang suka mengamalkan perpisahan kuasa-kuasa iaitu separation of powers dalam satu-satu negara.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah sekiranya kita semata-mata hendak menggantikan pegawai biasa dengan seorang Solicitor-General, saya rasa perkara ini akan lebih rumit lagi iaitu kerana Solicitor-General mempunyai tugas-tugas yang tertentu dan di masa itu juga dia menjalankan tugas sebagai seorang pegawai awam biasa pada hakikatnya, sedangkan status Solicitor-General itu sama juga dengan Peguam Negara. Di sini akan berlakulah satu pertentangan (conflict) dalam legislation dan susunan Kerajaan daripada satu masa ke satu masa. Dengan demikian akan menambahkan kerumitan dalam urusan yang kita berharap hendak membaikkannya.

Hal ini dapat kita melihat dalam Fasal 2 (c) iaitu "a public officer nominated by the Minister for Finance". Ini menunjukkan bahawa kepentingan Kementerian itu patut memilih seorang pegawai ke dalam Badan Pemegang Amanah Raya dan kalau kita fikir semata-mata dari segi finance sahaja, saya rasa tidaklah begitu mencukupi kerana ada lagi Kementerian-kementerian yang kita rasa patut melibatkan dirinya secara langsung.

Dengan demikian, saya berharap Peguam Negara dapat menunjukkan di mana significancenya kita meminda Pengerusi

Badan ini kepada seorang Solicitor-General dan mengapa Solicitor-General tidak patut diberi status politik dalam Dewan ini.

3.07 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan Yang Berhormat oleh Peguam Negara. Kita tahu sebagaimana kata Yang Berhormat Senator Abu Bakar bin Hamzah tadi, sesuatu undang-undang itu dipinda mengikut keadaan masa dan ketika. Saya suka mengesyorkan di sini kalau tidak menjadi halangan kepada Dewan ini dan juga kepada Yang Berhormat Peguam Negara iaitu walaupun pada asasnya Rang Undang-undang ini dipinda berkenaan ahlinya tetapi pada pendapat saya selain daripada ahlinya moleklah juga kita pinda dari segi aturan dan peraturan mengikut keadaan dan disesuaikan dengan keadaan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya kalau tidak silap wang-wang yang telah diamanahkan kepada Pemegang Amanah Raya ini tidak boleh diambil oleh pihak yang berkenaan sehinggalah mencukupi umur yang telah ditetapkan, dan wang itu setahu saya telah disimpan di Post Office dan mendapat faedah. Memandang kepada keadaan dunia yang telah maju, saya berpendapat dan saya biasa mendengar sungutan-sungutan yang wang ini amatlah rugi kalau disimpan pada tempat yang saya maksudkan tadi. Jadi alangkah moleknnya kalau pihak Badan ini dapat memberi kepada mewarisi orang yang berkenaan walaupun tidak cukup umur dan kiranya ada alasan-alasan yang tertentu yang mana wang ini boleh dapat keuntungan yang berlipat ganda. Misalnya, di Perlis biasa berlaku iaitu seorang telah meninggal dunia dengan meninggalkan seorang anak kecil. Maka wang yang patut didapati oleh anaknya yang diamanahkan kepada Pemegang Amanah Raya menunggu sehingga cukup umur barulah dia dapat menikmati wang tersebut dan kalau dihisab dengan faedah yang didapati di tempat yang ditetapkan oleh Pemegang Amanah Raya amatlah sedikit. Kalaulah wang yang berkenaan boleh diambil dengan syarat-syarat yang tertentu, misalnya, saya katakan membeli tanah dan sebagainya, saya yakin wang ini akan mendapat keuntungan yang berlipat ganda. Saya katakan begitu sebab ini sebagai contoh yang

tepat yang saya yakin Yang Berhormat Peguam Negara juga harus bersetuju dengan saya sebab beliau tahu tempat yang berkenaan, di tepi pekan Kangar dahulunya satu tempat hutan nipah di masa 15 tahun ataupun 20 tahun yang lepas tanah itu \$25 seekar orang tidak hendak membelinya.

Pada masa 15 tahun atau 20 tahun yang lepas tanah seekar berharga \$25 itupun jarang manusia mahu membelinya, tetapi hari ini tanah yang berkenaan belum sampai 25 tahun sudah meningkat iaitu seekar \$25,000. Pada orang-orang yang berkenaan dia nampak keadaan itu kalaulah wang ini diambil untuk dibeli tanah, alangkah mendapat keuntungan yang lebih, tetapi dengan syarat-syarat yang telah diletakkan oleh badan amanah ini tak boleh diambil, kecuali cukup umur dan sebagainya. Ini membawa kepada kerugian. Dengan sebab itu, saya syorkan wang-wang ini boleh digunakan oleh pihak yang berkenaan walaupun belum cukup umurnya asalkan faedah itu mendatangkan kebaikan kepada pihak yang berkenaan.

3.01 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak berhajat hendak bercakap di bawah Rang Undang-undang ini kerana saya memang menyokongnya. Saya terpaksa bangun oleh kerana sahabat saya Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah telah menyentuh sedikit perkara yang rasa saya tidaklah begitu patut kepada kita, kerana kalau tidak salah saya katanya, negara yang civilised menggunakan Peguamcara yang dipilih iaitu seorang political appointee. Saya rasa itu tidak patut kepada kita; dengan lain perkataan boleh dimaknakan yang kita ini tidak civilised kerana kita mempunyai Peguamcara yang datang daripada public officer. Itulah satu perkara yang saya terpaksa berdiri di sini. Rasa saya, sistem yang telah berjalan di negara kita ini sememang baik dan itu tidak bermakna kita terpaksa mengikut sistem lain.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Saya tidak maksudkan sebuah negara itu kalau dia menggunakan seorang Solicitor-General maka ianya tidak civilise. Kalau saya menggunakan perkataan "tidak civilised", maka

itulah maksud saya. Dalam sebuah negara, kalau Peguam Negaranya itu seorang politician dan orang yang nombor dua kepada peguam itu ialah Solicitor-General, maka kalau Peguam Negara kita tidak hadir, Solicitor-General itulah yang patut hadir, sedangkan pada masa itu dia ialah seorang pegawai awam yang dia tidak boleh duduk di dalam Dewan ini. "Tidak civilised" yang saya maksudkan di sini ialah dari segi conflict penyusunan Kerajaan kita. Kontek itu bukan "in general", dalam pada itupun kalau saudara kita, seorang peguam dapat menunjukkan saya dapat banyak menerima pelajaran iaitu bagaimana seorang yang nombor dua ialah seorang pegawai awam, dan yang nombor satunya seorang politician; dan melantik Solicitor-General dalam keadaan serba salah, itupun masih bukan "uncivilised" lagi.

3.03 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah telah memberi teguran yang mana patut pada mulanya saya terangkan perkara itu. Saya ada terangkan bahawa sekarang kita telah tidak pakai lagi Kementerian Keadilan. Saya yakin nampaknya keterangan itu tidak berapa terang kepadanya.

Sebenarnya mengikut undang-undang ini, kalau Undang-undang Pemegang Amanah Raya pada masa ini adalah di bawah portfolio Kementerian Keadilan. Sekarang Kementerian Keadilan itu telah dihapuskan dan boleh dikatakan digantikan Peguam Negara sebagai Minister of Law dan lain-lain lagi. Saya minta maaf kerana tidak menerangkan tadi yang Rang Undang-undang Pemegang Amanah Raya (Pindaan), 1974 mengikut the function of Ministers adalah di bawah jagaan Peguam Negara. Masa itu Kementerian Keadilan melantik Ketua Jabatan sebagai Pengerusi kerana Kementerian itu yang bertanggungjawab. Sekarang saya menggantikan Pengerusi itu dengan Solicitor-General sebagai Ketua Jabatan saya sebagai Pengerusi yang baru. Itu sahaja peralihannya.

Yang keduanya, selama inipun Solicitor-General atau Peguamcara Negara sememanglah Ahli Jemaah. Kalau dia tidak menjadi Pengerusi sememang tiap-tiap kali dia ada di dalam itu. Saya fikir saya dapat terangkan mengapa Solicitor-General itu dilantik

di situ. Kementerian saya tidak ada Ketua Setiausaha sebagaimana Kementerian-kementerian yang lain. Dengan sebab jawatan Peguam Negara, mengikut Perlembagaan kita telah dijadikan political appointment, maka jatuhlah Ketua Jabatan itu kepada Peguamcara Negara yang dia juga sebagai Ketua Setiausaha di tempat itu.

Yang ketiganya, samada benda ini ada conflict atau tidak, saya nyatakan di sini bahawa kita mestilah baca Perlembagaan (Constitution) kita terang-terang. Dalam Perlembagaan kita ada menyatakan tentang tugas-tugas Peguam Negara dan kuasa-kuasanya, tetapi tidak disebutkan sepeatah pun berkenaan dengan Peguamcara Negara. Dan kita ada buat satu undang-undang untuk menyenangkan kerja, sekiranya Peguam Negara tidak ada di situ atau uzur ataupun ada di situ, maka bolehlah Solicitor-General itu menjalankan kerja-kerjanya subject di bawah jagaan saya, tetapi kalau misalnya saya bercuti keluar, Kerajaan akan melantik seorang Menteri lain menjaga kepentingan Attorney-General kerana Solicitor-General itu ialah public servant dan tidak boleh dijadikan political appointee melainkan dipinda Perlembagaan. Kerja Peguamcara Negara tidak sekali-kali conflict dengan Peguam Negara kerana dia cuma membantu perkara-perkara pentadbiran mengenai undang-undang, bukan mengenai Parliamentary matters. Perkara Cabinet ini tidak boleh diberitahu iaitu menjalankan perkara-perkara yang biasanya dijalankan oleh Peguam Negara misalnya sanction to prosecute dan banyak perkara lain berkenaan dengan membuat penyata Pardons Board dari segi undang-undang. Dengan sebab itu, kita tidak hendak ikut, kerana kita sedar di England sebagaimana yang saya tahu Solicitor-General itu ialah Member of Parliament, a political appointee tidak bermakna kita kekurangan civilised dan Ahli Yang Berhormat menyebutkan hendaklah ikut Solicitor-General sebagaimana negeri-negeri yang lebih civilised daripada kita. Kadang-kadang "civilised" has gone too far takkan kita hendak ikut civilisation negeri barat. Yang ada sekarang civilise dia sama dia sejenis pun sudah dihalalkan takkan hendak diikuti. Saya harap penerangan itu diterima oleh sahabat saya Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Hamzah.

Yang keempat, mengenai teguran Yang Berhormat Tuan Shaari Jusoh. Saya menerangkan di sini sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat semua tahu bagaimana zaman dahulu harta-harta anak yatim yang dijaga kononnya bapa saudaranya, ibunya atau bapanya telah habis dikerjakannya, maka kanak-kanak itu apabila dewasa tidak ada apa yang ditinggalkan. Maka tujuan undang-undang ini hendak mengelakkan daripada beriakunya perkara-perkara yang seperti itu. Bermaknalah kalau yang berhak itu belum cukup umur wang itu dijagai atau diamanahkan kepada Pemegang Amanah Raya untuk dijagakan. Kita ada bekerjasama rapat dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat di mana Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat akan menyiasat hal keadaan anak-anak itu dan memberi laporan pula kepada Pemegang Amanah Raya berapa patut diberi tiap-tiap bulan mengikut makanan, pelajarannya daripada semasa ke semasa supaya wang ini mencukupi pelajarannya sampai umur 18 tahun atau 21 tahun. Bila tiba umurnya 21 tahun baru diserahkan.

Cadangan Ahli Yang Berhormat itu hendaklah diberi kepada emaknya, katakanlah bapanya mati dan harta anak diberi kepada emak. Emaknya berkahwin pula dan dia lebih kasih suami yang baru daripada anaknya. Apa akan jadi kepada hartanya? Cadangan kedua Ahli Yang Berhormat suruh beli kedai dan harta, kita dapati bukan bapa saudara atau bapanya sendiri yang mendapatnya. Misalnya, anaknya dilanggar oleh motokar dia dapat \$20,000—\$30,000 disuruhnya beli harta kedai. Kita siasat, betul nampaknya baik. Yang sebetulnya dia sudah berjanji dengan orang yang dia hendak jual benda itu harganya \$20,000, dia recommend sudah jadi \$30,000, \$10,000 bayar di belakang. Perkara ini sudah berlaku, dan perkara ini susah kalau berlaku. Kalau ada pun kita benarkan wang-wang itu dijadikan harta, misalnya, rumah kedai dan lain-lain selepas disiasat sehalus-halusnya oleh orang yang bertanggungjawab dan kita bermohon pula di mahkamah untuk memberi kebenaran. Benda itu boleh dibuat, bukan tidak boleh. Tetapi mana kita fikir kita tidak akui sememangnya kita tidak lepaskan sebagaimana yang dicadangkan, sebab sangat merbahaya demi kepentingan anak-anak yatim.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, meskipun saya tidak dapat hendak mengemukakan pindaan mengikut peraturan, tetapi izinkan saya mengemukakan pandangan kepada Peguam Negara iaitu kalau pada waktu ini kita tidak dapat meminda tetapi ada masanya kita boleh pinda, iaitu di bawah Fasal 2 (e) "two public officers, one serving in Sabah and one serving in Sarawak," "nominated by the Minister."

Tuan Pengerusi, saya maksudkan begini ialah pegawai sudah ada yang dilantik oleh Menteri kita di bawah (d) dan di bawah (e) ini patutlah kita serahkan kepada negeri-negeri yang berkenaan. Ada pun perkataan "serving in Sabah" dan lagi satu "serving in Sarawak" boleh jadi pegawai Federal yang kita menghantar ke sana dan orang itu juga kita laniuk di sini. Dengan demikian, perkhidmatan mereka di dalam Pemegang Amanah Raya ini tidak penuh representativenya. Dengan demikian, inilah saya kemukakan kepada Peguam Negara.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya ucapkan terima kasih atas cadangan itu. Sebenarnya di sini "two public officers" yang disebutkan itu "one serving in Sabah and one serving in Sarawak nominated by the Minister" biasa dan lazimnya kita mestilah terlebih dahulu berunding dengan Ketua Menteri kedua-dua negeri itu siapa yang patut dan layak mewakili bagi Sabah dan Sarawak. Saya fikir tidak ada kesusahan yang akan timbul, tentulah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kedua-dua negeri itu memilih pegawai-pegawai yang cukup layak dari segi kewangan, tanaman modal dan lain-lain menjaga kepentingan Negeri Sabah dan Sarawak. Kalau tidak ada orang lain boleh jadi perkara ini timbul seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat yang dikatakan

pegawai negeri kita ini yang serving in Sabah and Sarawak, tetapi saya fikir tidak ada berlaku. Kalau ada kesusahan perlantikan atau melaksanakan Bill ini baru kita buat perkara itu. Saya fikir tidak ada kesusahan sekarang.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT— PERUBAHAN

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13. Majlis ini mengambil ketetapan iaitu Rang Undang-undang Senjatapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan) hendaklah ditimbang selepas Rang Undang-undang Perlindungan Pihakberkuasa Awam (Pindaan) diluluskan.

Kedua-dua Rang Undang-undang ini ialah saya yang membawanya dan saya mohon diluluskan cadangan saya ini.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Wong Seng Chow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13. Majlis ini mengambil ketetapan iaitu Rang Undang-undang Senjatapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan) hendaklah ditimbang selepas Rang Undang-undang Perlindungan Pihakberkuasa Awam (Pindaan) diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN PIHAKBERKUASA AWAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang meminda Ordinan Perlindungan Pihakberkuasa Awam, 1948 dibaca bagi kali yang kedua.

Ini adalah suatu Rang Undang-undang yang pendek dan ringkas bagi meminda Ordinan Perlindungan Pihakberkuasa Awam, 1948 untuk memanjangkan tempoh sesuatu tindakan Mahkamah itu boleh diambil oleh orang-orang awam (rakyat jelata) terhadap pihakberkuasa awam seperti Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Majlis Bandaran dan lain-lain daripada satu tahun ke tiga tahun.

Sebelum undang-undang yang ada sekarang ini adalah terhad bagi mereka ini boleh menuntut dari pihakberkuasa kepada Kerajaan kalau ada kemalangan dan lain-lain dalam setahun dan sekiranya selepas setahun itu tidak dituntut, maka hilanglah haknya menuntut. Kita dapati banyak kesusahan dan ada kala-kalanya keadilan tidak dapat dicapai, saya misalkan dalam pengalaman saya, ada kemalangan-kemalangan berlaku khasnya di kampung-kampung yang mana anak-anak seseorang itu meninggal dunia dilanggar oleh kenderaan yang dipunyai oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan atau misalnya lori tentera, lori polis dan lain-lain, maka kita tahu sekiranya lori itu salah berhak waris-waris itu menuntut ganti rugi daripada Kerajaan.

Undang-undang yang ada kalau tidak dituntut ganti rugi dalam masa setahun selepas seseorang itu mati, maka hilang hak, pada hal kalaulah simati itu dilanggar oleh teksi, maka hak itu berjalan 6 tahun lamanya boleh dituntut. Di sini timbullah kesusahan kepada orang kampung di mana dengan sebab kelalaian dan kelewatannya menunggu pula hendak mengambil kuasa, menunggu kes itu bicara sebab criminal case. Lama-kelamaan dengan tak ada nasihat sesiapa, apakala dia jumpa lawyer atau peguam masa sudah lepas dua tiga tahun. Maka terpulanglah kepada Jabatan Peguam Negara menimbangkan sugu hati seberapa yang patut. Ini banyak yang berlaku. Pihak Majlis Peguam (Bar Council) telahpun mendesak perkara ini diubah daripada setahun kepada tiga tahun demi faedah, kepentingan dan justice kepada rakyat jelata. Sekiranya berlaku kepada Kerajaan, Kerajaan boleh menuntut kepada mereka itu dalam tempuh 6 tahun.

Cadangan ini sungguhpun ringkas, Tuan Yang di-Pertua, perkaranya kecil tetapi faedah dan keuntungannya kepada rakyat jelata adalah amat besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

3.22 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak berdiri dan bercakap sedikit-sebanyak dalam membahar Rang Undang-undang ini, saya rasa saya tidaklah begitu adil, kerana saya mempunyai banyak juga pengalaman seperti yang telah disebutkan oleh Peguam Negara sebentar tadi iaitu bagaimana orangramai mendapat kesusahan, sekiranya mereka hendak menuntut kepada Kerajaan jika berlakunya satu kemalangan.

Sungguhpun Rang Undang-undang ini nampaknya pendek dan ringkas, tetapi ia memberi maknanya yang besar kepada rakyat biasa. Dengan lulusnya Rang Undang-undang ini bermaknalah Kerajaan diletakkan setaraf dengan rakyat biasa di dalam Negara kes menuntut ganti rugi. Setakat ini kebanyakan orang-orang yang miskin, orang-orang yang tidak begitu tahu dari segi undang-undang, sekiranya berlaku sesuatu kemalangan umpamanya dilanggar oleh kereta Polis, atau kereta J.K.R., atau apa juga kenderaan Kerajaan dan orang yang kena langgar itu meninggal umpamanya, mengikut Undang-undang yang ada ini mereka mempunyai masa hanya 12 bulan sahaja untuk mengeluarkan atau mengambil tindakan di Mahkamah. Jikalau dia tidak berbuat demikian atau warisnya tidak buat begitu dalam tempuh 12 bulan itu bermakna ia tidak boleh menuntut lagi. Ini sudah membawa banyak kesulitan, umpamanya, pihak Polis mengambil masa untuk menyiasat untuk membawa kes untuk dibicara sebelum tindakan civil boleh diambil terhadap Jabatan Kerajaan yang berkenaan. Jadi oleh kerana masa ini kadang-kadang memakan lebih daripada 12 bulan maka itu menyebabkan banyak orang yang kena kemalangan itu tidak dapat membuat tuntutan kepada Kerajaan.

Saya sangat-sangat berterima kasih kepada Yang Berhormat Peguam Negara kerana membawa pindaan kepada Undang-undang ini. Dan dengan adanya pindaan ini bermaknalah Kerajaan dan pihak badan-badan Kerajaan diletakkan setaraf dengan

rakyat biasa dan bolehlah seorang yang mendapat kemalangan akibat kenderaan Kerajaan membuat tuntutan dalam tempoh 6 tahun. Itu memberi nafas sedikit, kalau tidak, kalau mengikut cara lama ini sudah tentu banyak kes-kes yang patutnya mendapat gantirugi, tetapi tidak dapat oleh kerana masa menghadkan. Saya tidak hendak bercakap panjang dari segi ini, saya cuma hendak merakamkan bukan sahaja ucapan terima kasih saya, tetapi ucapan terima kasih daripada Majlis Peguam Malaysia kepada Yang Berhormat Peguam Negara sendiri yang telah mengambil inisiatif untuk mengemukakan kepada Kerajaan supaya membawa pindaan kepada Rang Undang-undang ini, dan saya sokong sepenuhnya kepada Rang Undang-undang ini.

3.25 *ptg.*

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah mengemukakan pindaan kepada Rang Undang-undang ini.

Yang pertama, ialah kerana Rang Undang-undang ini sudah lama dan kalau baju pun ialah potongan lama; baju kebaya labuh masa dulu, bukan lagi yang mengikut bentuk sekarang iaitu dibuat pada tahun 1948, dalam zaman kalau tidak silap saya zaman Sir Edward Gent ataupun Stamford Suttan, masa Gent dan Suttan ini patut kita pinda undang-undang ini.

Yang kedua, orang-orang awam sendiri kalau ada tuntutan civil boleh menuntut dalam masa 6 tahun dalam hal accident, kalau saya tidak silap dengar daripada Peguam Negara dan juga Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin yang kedua-duanya peguam, Senator kita yang di hadapan saya ini bersama dengan saya berterima kasih kepada Peguam Negara tentang mengemukakan satu pindaan yang pendek dan kecil tetapi besar maknanya. Ertinya kita memberi nafas iaitu tambah lagi 2 tahun kepada rakyat jelata kita yang dahulu mendapat 1 tahun. Kalau-lah benar pendengaran saya tentang masa menuntut-menuntut 6 tahun, mengapa pula kita beri rakyat kita separuh hak mendapat 3 tahun sahaja menuntut kepada Kerajaan.

Saya tak dapat hendak mengatakan ini satu kerja Kerajaan yang "civilised", tetapi dapat saya mengatakan ini satu kerja yang

meletakkan orangramai lebih rendah daripada pemerintah. Ini masih lagi kita mengamalkan kezaliman terhadap rakyat jelata. Apa yang saya hendak ialah supaya limitation ini diberi reciprocal di dalam civil sama-sama 6 tahun, maka public dengan Kerajaan pun biar sama-sama 6 tahun. Jika tidak, ertinya kita menyuruh rakyat jelata untuk menuntut dari segi civil sama rata, tetapi kita retain satu status yang lebih tinggi iaitu separuh daripada manusia biasa. Jadi saya rasa patutlah diterangkan oleh Peguam Negara dan kalau boleh yang perkataan 36 itu menjadi "72 bulan" supaya ini nampak reciprocal dan di sinilah baharu hilang segala uncivilization itu.

3.30 *ptg.*

Datuk Mansor bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak bercakap sedikit sahaja disamping saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini.

Saya hanya hendak membahaskan sedikit perkara perlindungan orang awam tadi iaitu kita mengetahui selama ini orang-orang awam ini apabila mereka menghadapi sesuatu kemalangan bukan sahaja kejadian-kejadian pelanggaran atau kemalangan bersabit dengan jentera Kerajaan, begitu juga jentera-jentera public dan mereka ini selama ini memanglah sentiasa berharap tuntutan mereka itu dibuat melalui peguam-peguam. Tujuan saya bangun ini ialah khas saya tujukan rayuan kepada peguam-peguam itu sendiri iaitu untuk memberi timbang rasa kepada orang awam yang membuat tuntutan masing-masing. Kerana yang telah lepas yang saya telah dapat tahu beberapa kejadian tuntutan melalui pertolongan peguam itu, mereka mengenakan berbagai-bagai syarat. Ada setengah-setengahnya menentukan berapa harga bayaran yang mesti dibayar oleh pihak yang menuntut dan ada setengahnya mengenakan percent iaitu katanya antara 30% bahkan ada sampai 50%. Setengah-setengah daripada mereka ini yang kebanyakannya mengenakan 30% itu tetapi bila sahaja didapati bayaran-bayaran gantirugi dan sebagainya maka dikenakan pula belanja-belanja yang bukan-bukan, belanja register dan bermacam-macam. Hinggakan kalau kita kira-kira bukan sahaja 30% tetapi yang diterima oleh si-menuntut itu lebih sedikit daripada 50% sahaja.

Saya harap kalau boleh samada pihak Kerajaan mengadakan satu cara untuk melindungi dengan lebih rapi lagi kepentingan-kepentingan hak orang ramai.

3.33 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang ini, saya suka hendak memberi pandangan saya iaitu apabila kita meluluskan Rang Undang-undang ini kita beri masa lebih kepada rakyat boleh menuntut kerugian di atas apa-apa kemalangan yang berlaku. Pada pendapat saya dengan ini barangkali banyak kemalangan-kemalangan yang berlaku itu akan dapat dituntut oleh rakyat dan Kerajaan akan terpaksa membayar belanjawan-belanja kerugian rakyat yang kena kemalangan itu.

Bagi orang yang menerima gantirugi ini bukanlah dia mahu kemalangan itu kerana mahu kepada wang gantirugi. Kalau sekiranya dia kudung tangan sebelah, bayar \$10,000 pun kalau boleh dia tidak mahu kudung, fasal hilang tangan sebelah itu dia akan susah seumur hidup. Wang itu bukanlah boleh dibandingkan dengan kemalangan yang ada itu. Dengan memanjangkan masa ini bukanlah boleh memberi puashati kepada si yang kena kemalangan itu cuma memberi masa supaya mereka ini boleh menuntut kerugian. Apa yang patut Kerajaan buat, selain daripada memberi masa yang panjang itu ialah menjaga pegawai-pegawai itu supaya jangan cuai dan jangan menimbulkan kemalangan-kemalangan itu.

Pada masa ini kalau kita lihat, Jabatan Kerja Raya umpamanya, kalau dia baiki jalan, apabila habis kerja dia tinggalkan sahaja jalan yang belum siap itu dengan tidak ada lampu pada malam hari, dengan tidak ada tanda yang lubang itu belum siap ditimbus yang mana boleh menimbulkan kemalangan. Kecuaian-kecuaian yang seumpama ini boleh dikatakan berlaku di mana-mana tempat di dalam negara kita ini, dan yang banyak sekali berlaku ialah kecuaian-kecuaian daripada pekerja-pekerja yang menjalankan kerja di bawah Jabatan Kerja Raya. Saya rasa patutlah Kerajaan mengambil perhatian yang berat dan memberi satu-satu arahan yang tertentu. Kalau mereka ini cuai bukan Kerajaan yang akan membayar gantirugi, tetapi mereka yang cuai

itu akan mendapat hukuman-hukuman yang tertentu, baharulah mereka ini tidak akan cuai dalam pekerjaannya. Kalau tidak, dia terasa dia orang Kerajaan dan buat apa dia suka, yang kena bayar Kerajaan bukan dia, kalau kena bayar berapa ribu pun, Kerajaan bayar. Dia yang membuaai kecuaiannya itu dia boleh membuat laporan begitu dan begini untuk melepaskan diri daripada terkena apa-apa hal. Saya rasa perkara ini patutlah Kerajaan mengambil tindakan yang sekeras-kerasnya kepada pegawai-pegawai yang cuai dalam menjalankan kerjanya.

Satu lagi ialah membawa kenderaan. Selalu kemalangan jalanraya yang berlaku ialah membawa kenderaan dengan deras dan laju. Kalau sekiranya lori J.K.R. yang membawa batu itu begitu berat, larinya lebih daripada 50 b.s.j. sudah tentu timbul kemalangan-kemalangan di jalanraya.

Kalau sekiranya J.K.R. tidak dapat mengawal dreber-drebernya itu dengan betul menjalankan tugas dengan cara yang baik, inilah timbul kemalangan-kemalangan di dalam kerja-kerja Kerajaan. Kalau lori J.K.R. itu melanggar satu motorkar yang kecil jadi kelapa kering, kata orang Kelantan, akan menjadi ikan kering, sebab lori itu besar dan berat sangat, tetapi dreber yang membawa lori itu sehingga kadang-kadang dia boleh memotong kereta kecil dengan derasnya. Saya rasa ini adalah satu perkara yang berlaku hari-hari di negara kita ini dan tidak siapa pun yang mengambil tahu, tidak siapa pun yang mengambil tindakan. Ini patutlah diberi tahu kepada mereka yang bertanggung jawab dari J.K.R. supaya mengambil perhatian yang berat dalam masaalah-masaalah yang seumpama ini.

3.38 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita maklum, kalau kita baca Rang Undang-undang ini terang dan nyata tujuannya iaitu untuk melindungi pihak yang berkuasa awam, kerana pada satu masa dahulu, asalnya memang tidak ada hak orang awam menuntut kepada pihak yang berkuasa atau Kerajaan. Lepas itu dipanjangkan kepada 6 bulan, naik kepada setahun, sekarang kita pinda beri kuasa 3 tahun untuk melindungi pihak berkuasa iaitu pihak Kerajaan.

Yang saya tahu semua tuntutan yang dipohon ialah 3 tahun dan sekarang kita diminta timbangkan 6 tahun. Belum ada diminta dipanjangkan beri masa 6 tahun. Oleh itu difikirkan oleh Majlis Peguam pun dan pihak Jabatan saya telah mengkaji perkara ini, berilah peluang 3 tahun kerana kita bimbang sedikit kalau terus beri 6 tahun, boleh jadi lagi lengah sesiapa yang hendak menolong orang-orang yang hendak mengambil kuasa itu, nanti dia kata apalah ambil tindakan, nantilah dahulu. Ini beri peluang juga kepada peguam-peguam memanjangkan masa, jadi baik ada tidak baiknya pun ada. Kalau sekiranya 3 tahun ini tidak mencukupi dan membawa kesusahan kita akan pinda semula dan sesuaikan.

Berkenaan dengan teguran Yang Berhormat Datuk Mansor bin Mohamad itu, saya telah terangkan di sini, perkara ini kita semua maklum dan pihak Majlis Peguam dan saya sendiri juga pihak Kehakiman selalu mesyuarat memikirkan cara manakah perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Mansor itu dapat dilakukan dan hapuskan. Saya telah menyebut perkara ini pada hari semalam.

Berkenaan dengan teguran Yang Berhormat Datuk Nik Hassan itu adalah satu pandangan yang baik kerana kita semua tahu apa yang dikatakan itu memang ada berlaku. Sebab kalaulah misalnya bau atau lubang yang ada di jalanraya, walaupun dibubuh api di situ sekiranya lampu merah itu padam maka masuklah sebuah motorkar ke dalam lubang itu, 100% Kerajaan akan menanggung segala kerugian yang berlaku. Walaupun dia kata sudah ada lampu, begitulah kuatnya undang-undang untuk menjaga di dalam perkara ini. Tetapi kecuaiannya pekerja-pekerja daripada Jabatan Kerja Raya dan lain-lain, kalau ada timbul perkara semacam itu dan mendatangkan kerugian kepada Kerajaan, sememangnya kita akan menjalankan siasatan dan mengambil tindakan kepada yang bertanggungjawab itu, samada kita hendak surcharge dia atas kerugian yang berlaku atau disciplinary action, menahan gaji atau di buang kerja. Kerajaan tidak sekali-kali biarkan kerana kalau tidak benda ini akan dibuat apa yang dia suka, bukan dia yang rugi Kerajaan yang rugi.

Berkenaan dengan lori-lori, samada lori PWD dan lori-lori yang lain juga, maka semua drebar-drebar lori itu adalah ter-

takluk di bawah undang-undang negeri ini sama dengan drebar-drebar lori orang awam dan juga yang lain-lain. Kalau dia ada membuat satu kesalahan melanggar—negligence atau lari deras atau membuat perkara-perkara yang lain yang menyalahi Undang-undang Trafik, maka tindakan akan diambil ke atas mereka itu, dituduh di mahkamah dan sekiranya tidak ada bukti yang cukup hendak menuduh di mahkamah, tindakan discipline telah juga diambil terhadap mereka itu. Kadang-kadang saya tahu drebar lori asykar misalnya sudah dituduh di mahkamah oleh sebab kecuaiannya drebar itu dan didenda \$50 sahaja, balik ke tempat dia lagi satu bicara kena lock-up enam hari pula. Jadi, tidak puas dengan apa yang dijatuhkan. Tindakan sememang diambil untuk mengelakkan perkara ini berlaku.

Demikianlah, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya jawab.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa*).

Fasal 1 dan 2—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya sekali lagi mengemukakan pada Kerajaan iaitu dalam Fasal 2, perkataan "36 months" itu patut ditimbang pada suatu masa yang tidak lama lagi iaitu menjadi "72 months". Ini, bukan kerana saya hendak mengatakan pihak-pihak Peguam atau pihak-pihak rakyat ini tidak cepat menuntut ataupun mereka itu lengah ataupun mereka itu tidak menuntut. Apa yang saya maksudkan di sini ialah Kerajaan kita sudah berusaha memberi fundamental rights ataupun hak-hak asasi manusia dengan sepenuhnya. Pada mulanya sepertimana Peguam Negara berkata tidak ada langsung hak menuntut, kemudian enam bulan, kemudian satu tahun—12 bulan, kemudian 36 bulan. Ertinya kita

menahan-nahan hak rakyat jelata itu daripada semasa ke satu masa. Di sinilah nyatanya kezaliman kita itu dilepaskan sedikit-sedikit. Yang saya hendakkan di sini, kalau sesama rakyat kita 72 bulan—enam tahun, ertinya boleh tuntutan—limitation mengapa pula bagi Kerajaan kita ini hanya 36 bulan. Sepatutnya mahu juga 72 bulan.

Tuan Pengerusi, jenerasi kita yang baharu, yang ada ini kalau mereka itu membawa Rang Undang-undang ini mengatakan Kerajaan yang ada sekarang ini memandang kami ini separuh berhak sahaja. Jikalau kami, sesama kami tuntutan-menuntut dapat masa enam tahun, tetapi jikalau kami dengan Kerajaan—Legislature, kami dapat separuh sahaja. Ertinya Legislature ataupun Badan Dewan kita ini telah menggunakan hak legislature ini untuk memotong separuh hak rakyat jelata di dalam negeri ini. Saya rasa sahabat saya seorang Peguam walaupun dia mempunyai masa yang cukup 36 bulan, tetapi ketika dia fight ataupun melawan untuk satu-satu hak di dalam Court, di dalam Mahkamah samada Court of Justice ataupun Court of Law, beliau akan merasa bagaimana Kerajaan kita meletakkan rakyat jelata dengan separuh hak daripada hak asasinya. Ini, Tuan Pengerusi, kalau diizinkan saya menggunakan bahasa Rang Undang-undang ini; iaitu walaupun pindaan lebih menyatakan ketidak civilization negara kita memandang kepada hak-hak kita tadi.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Pengerusi, saya cuma hendak berbahas atas sedikit sahaja di atas apa yang telah disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah. Cuma kalau kita hendak mengadakan sehingga enam tahun, rasa saya tidak perlu kita adakan undang-undang ini. Maknanya Kerajaan dengan rakyat biasa kalau dari segi tuntutan-menuntut itu sama taraf sahaja. Tentulah kalau kita mengadakan undang-undang ini kita berikan sedikit keistimewaan sahaja oleh kerana banyak kesusahan yang akan dialami oleh Kerajaan misalnya dari segi pegawainya yang bertukar dan macam-macam perkara lagi. Itulah sebabnya rasa saya yang Kerajaan terpaksa mengadakan undang-undang ini dan sungguhpun masa itu tidak sama, tetapi terpaksa kita adakan keistimewaan sedikit kepada Kerajaan. Kalau kita minta sama panjang sahaja—

enam tahun sama enam tahun, rasa saya tidaklah perlu kita adakan undang-undang ini langsung, kerana itu sudah menjadi hak seseorang, baik Kerajaan ataupun rakyat biasa.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Yang saya maksudkan di sini bukan dari segi kesusahan masa ataupun pegawai Kerajaan menjalankan tugasnya ataupun seorang peguam. Yang saya maksudkan ialah hak asasi manusia itu telah kita potong separuh dan kalau kita katakan tidak patut diadakan undang-undang ini langsung, maka itu sudah tidak betul, sebab takkan negara kita ini hanya bergantung kepada satu Undang-undang yang umum begitu. Misalnya kita katakan memang perkara biasa sahaja hak asasi seseorang manusia itu enam tahun jadi tidak payah kita adakan undang-undang ini. Yang adakan ini untuk hendak mengiakkan hak asasikah atau untuk hendak memotong separuh hak, di sini saya terlanjur dan menggunakan perkataan “civilised”. Kalau sekiranya pihak yang hendak membela undang-undang ini boleh menunjukkan bahawa memotong separuh hak itu bukan satu perbuatan yang “uncivilised”, itu saya salute daripada jauh.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Pengerusi, saya hairan Ahli Yang Berhormat itu bercakap atas hak asasi. Benda ini tidak kena-mengena dengan hak asasi kalau dibaca dalam Perlembagaan Malaysia. Banyak lain-lain hak-hak rakyat yang telah disekat, dipotong oleh Kerajaan kalau dibaca tiap-tiap undang-undang yang ada di negeri ini ialah menghad, menangkap under internal security disimpan, itu hak kemerdekaan asasi yang telah Kerajaan ambil semuanya. Kalau dikatakan ini hak asasi tidak boleh diusik oleh Kerajaan, saya hairan. Itu digelar hak asasi. Ini hak dari segi undang-undang hendak menuntut daripada setahun kita luaskan jadi 3 tahun, yang dahulu dia cuma 1/5, kita panjangkan mengikut keadaan dan masa. Saya kata dari segi principle saya tidak bimbang, kita tidak bimbang dan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas cadangan ini dan saya meniawab sekiranya mustahak saya akan pindakan. Saya mengatakan menguatkan kedudukan Kerajaan, dia menguatkan kedudukan Kerajaan. Kalau saya tidak pinda sekalipun, kalau dia kempen di mana-mana

sekali pun Kerajaan tidak berganjak. Saya di sini mengatakan iaitu tiga tahun ini adalah betul dan saya tidak meminda melainkan keadaan itu akan datang mustahak sangat hendak kita jalankan. Walaupun begitu, saya tegaskan di sini hak asasi yang disebutkan itu tidak timbul.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya minta izin hendak memberi penjelasan. Saya minta difahami, saya bukan hendak menegakkan bahawa saya ini betul—tidak. Saya minta saya jangan disalahfahamkan. Yang saya maksudkan hak asasi ini bukan maknanya kita tidak boleh ambil, memanglah hak dan duty itu reciprocal dalam masyarakat manusia ini dan waktu kita mengambil hak rakyat itu bukan bermakna yang kita mengambil, tetapi kita menjaga supaya dia jangan tinggalkan dutynya terhadap orang, hanya hendak menjaga right sahaja. Yang saya sebutkan hak asasi ini, kalau sudah menjadi hak biasa sebagaimana sahabat saya peguam sebelah sini mengatakan, hak biasa 6 tahun itu, maka timbul satu keraguan dalam kepala saya, mengapa pula yang Kerajaan ini mesti protect dirinya kepada 3 tahun sahaja, artinya rakyat dengan rakyat dibiarkan untuk menuntut 6 tahun, itu hak biasa, tetapi dengan Kerajaan kita sudah menjadikan kedudukannya lebih superior daripada rakyat biasa. Itulah yang saya maksudkan hak asasinya bukan pula tidak boleh ditangkap dan tidaklah pula apabila disebut keadaan-keadaan menangkap itu, saya akan gentar dalam Dewan ini, saya tidak gentar itu dan saya sebagai politician memang sanggup. Tetapi saya hendak menolak satu, iaitu Peguam Negara terkeluar cakap bahawa "walau bagaimanapun saya akan kempen mengenai perkara ini", itu saya tidak akan berbuat begitu, kerana kita berbahas di dalam Dewan ini bukan hendak mencari modal-modal kecil untuk kempen di luar, tetapi untuk rakyat apa yang saya fight sekarang ini, ialah bagi hak (right) rakyat, itu yang saya fight, dan nyata bahawa pindaan 6 tahun kepada 3 tahun itu mencerminkan uncivilisation.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Pengerusi, saya telah dengar.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SENJATAPI (PENALTI LEBIH BERAT) (PINDAAN)

Bacaan Kari Yang Kedua dan Ketiga

3.55 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Akta bagi meminda Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat), 1971 dibaca bagi kali yang kedua.

Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat), 1971 mula berkuatkuasa dalam bulan September, 1971. Akta itu, sebagaimana tuan sedia maklum, telah diadakan dengan tujuan hendak memberatkan lagi hukuman berkenaan dengan menggunakan senjatapi dalam melaksanakan kesalahan-kesalahan dari jenis-jenis tertentu yang dinyatakan dalam Akta itu. Kesalahan-kesalahan itu yang ada sekarang dalam *Jadual* itu ialah:

- (i) Memerasugut (extortion).
- (ii) Merompak.
- (iii) Menghalang dan menentang penangkapan polis.
- (iv) Melepaskan diri dari jagaan yang sah di sisi undang-undang.

Mengenai kesalahan-kesalahan ini hukuman yang diperuntukan oleh Akta itu ialah hukum bunuh hingga mati. Adalah juga diperuntukkan dalam Akta itu bahawa menunjukkan senjatapi untuk menyebabkan ketakutan mati atau cedera apabila melakukan kesalahan-kesalahan tersebut boleh dikenakan hukuman penjara maksima selama dua puluh tahun dan boleh juga dikenakan hukuman sebat. Ini bermakna, boleh dikenakan adalah discretionary, maknanya Tuan Hakim boleh menjatuhkan hukum sebat atau tidak atas timbang rasanya—itu adalah hukuman undang-undang yang ada sekarang ini.

Sungguhpun demikian kedudukan jenayah pada amnya masih lagi merunsingkan kita semua. Kedudukan itu memerlukan usaha-usaha yang lebih hebat dan rapi untuk menentang jenayah. Kedudukan itu juga memerlukan langkah-langkah perundangan yang lebih berkesan untuk menentangi cabaran ini dari gangster-gangster dan yang

semakin bertambah sophisticated dan bertambah beratnya. Saya sedar undang-undang seberapa berat sekalipun tidak akan menghapuskan penjenayah itu. belum ada satu undang-undang walaupun hukumnya mati masih lagi berlaku juga. Tetapi kurangnya kita memperbaiki undang-undang itu untuk memberikan lebih takut dan ngeri kepada orang yang membuatnya. Kes-kes rompak dan lain-lain kesalahan yang besar-besar nampaknya tidak berkurangan bahkan semakin merebak. Dahulunya kegiatan-kegiatan mereka ditumpukan kepada kawasan bandar sahaja, bank-bank, kedai-kedai emas, gudang-gudang besar di bandar dan orang-orang kaya, tetapi baru-baru ini penjenayah-penjenayah dan penjahat-penjahat nampaknya telah meluaskan kegiatan mereka ke kawasan desa, jalan-jalan raya yang sunyi di mana orang-orang biasa dan orang-orang yang bukan kaya telah menjadi mangsa pada mereka itu. Kita pernah mendengar bas-bas dan motokar-motokar ditahan oleh orang-orang yang bersenjata. Kejadian yang baru-baru sahaja berlaku ialah berkenaan dengan sebuah bas dalam perjalanannya ke Pulau Pinang, di mana penumpang-penumpang telah dirompak dan semua barang-barang kepunyaan mereka termasuk barang-barang yang dipakai pun telah dirampas oleh mereka itu. Hal-hal ini mungkin mencerminkan keadaan masyarakat yang mewah dan makmur yang kita dapati sekarang, tetapi sebaliknya ini mungkin pula mencerminkan betapa tidak cukupnya langkah-langkah yang boleh diambil bagi mengawal penjenayah-penjenayah atau mereka yang cenderung melakukan jenayah. Kita semua ingin hidup dalam dunia di mana undang-undang dan keamanan menjadi panduan hidup. Saya percaya tiada sesiapa pun rela hidup dalam keadaan seperti seolah-olah di dalam bandar cerita "cow-boy" di mana bunuh-membunuh dan tembak-menembak mengikut sesuka hati adalah cara hidup sehari-hari.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Mesyuarat*)

Kita sedar dalam seminggu dua yang lepas bagaimana juga perkara yang semacam itu telah berlaku di Kuala Lumpur antara pihak Polis dan pihak gangster tembak-menembak, boleh dikatakan tiap-tiap hari berlaku. Saya harap kita tidak akan sekali-kali mengalami masyarakat seperti itu di negeri kita yang aman.

Bersama saya ada penerangan baru yang menunjukkan yang saya tahu kedudukan jenayah pada keseluruhannya dan angka-angka yang menunjukkan bahawa kesalahan-kesalahan adalah semakin bertambah dari setahun ke setahun walaupun pihak Polis menjalankan tugas-tugasnya dengan sangat cemerlang dan mengorbankan nyawa. Maknanya kita tidak boleh kata pihak Polis memang lalai tidak menjalankan kewajibannya, tidak. Mereka itu bekerja siang dan malam menjalankan kerjanya tetapi masih juga jenayah seperti ini bertambah. Angka-angka ini diambil semenjak tahun 1971 iaitu apabila Akta Senjata itu diluluskan dan perangkaan itu juga menunjukkan angka-angka yang menggambarkan mengenai laporan kes-kes rompak, extortion, colek yang dilakukan dengan menggunakan senjata atau dengan mengugut hendak menggunakan senjata sudah bertambah. Adalah nyata bahawa kedudukan jenayah menunjukkan bahawa Rang Undang-undang sebagaimana yang tersebut sekarang adalah jauh daripada cukup bagi menentang cabaran daripada senjata, daripada penjenayah-penjenayah yang ganas itu. Mereka itu belum lagi takut hukuman yang ada. Ada orang berpendapat memang payah hendak dinafikan bahawa cabaran penjenayah itu sukar hendak ditentang jika rakyat tidak berdiri teguh dibelakang pihak Polis. Pengintipan jenayah, jika hendak mencapai kejayaan, perlulah mendapat persefahaman dan kesedaran dari orang ramai. Biasanya didapati dalam masyarakat kita bahawa seseorang itu tidak berani bekerjasama dan menceritakan sesuatu kepada polis jika ia tahu atau bimbang bahawa berbuat demikian akan mengancam dan membahayakan nyawanya atau nyawa keluarganya kelak. Dan tidak boleh dinafikan bahawa sentiasa ada perasaan dalam hati orang-orang yang serba-salah bahawa jika mereka menceritakan atau mengadu kepada pihak polis, segala yang diketahuinya, maka penjenayah itu akan berdendam dan menuntut bela apabila mereka keluar dari penjara kelak. Dan menyedari bahawa biasanya bencana ke atas dirinya itu adalah dari segi kewangan, tidak dari segi keanggutaannya, maka mereka rela menderita dalam senyap membayar wang tiap-tiap bulan apa yang dikehendaki oleh penjenayah itu daripada menceritakan perbuatan penjahat itu kepada polis. Kebimbangan ini maknanya dia sanggup membayar benda yang dikehendaki oleh pemerias itu

tiap-tiap bulan atau dua minggu sekali daripada menceritakan kepada polis, kerana dia bimbang kalau diceritakan orang itu akan masuk penjara kerana ugutannya dan kalau direpotkan kepada polis apabila keluar kelak akan aku kerjakan engkau dan anak-anak engkau. Oleh itu, kita memikirkan apa caranya pula untuk menghilangkan kebimbangan orang ramai. Satu daripada yang difikirkan, apakala dihukum jangan dikeluarkan lagi, biarlah dia tinggal dalam jel sampai mati.

Kerajaan menyedari dengan sepenuhnya hal ini. Adalah juga disedari bahawa meskipun sesuatu jenis perlindungan polis boleh diberi kepada saksi-saksi yang memberi keterangan di mahkamah, tetapi adalah mustahil sebenarnya dari segi praktik untuk menyelamatkan seseorang selama-lamanya daripada perbuatan musuh-musuhnya itu.

Memandang kepada masalah ini Kerajaan telah mengambil keputusan bahawa bagi maksud kesalahan-kesalahan yang terkandung dalam Akta ini hukuman penjara selama hidup apabila dijatuhkan akan dilaksanakan selama hayat orang yang disabitkan kesalahan itu. Langkah ini akan menjamin bahawa penjenayah-penjenayah yang ganas itu tidak lagi dapat membencanakan masyarakat, merosakkan orang ramai dan orang ramai akan dapat hidup dalam keadaan yang sebenar aman, bahawa orang-orang lain akan takut menyertai anggota-anggota jahat itu, dan orang ramai akan sentiasa berani memberi keterangan terhadap sesuatu kesalahan yang berlaku pada mereka oleh orang yang menggunakan senjatapi.

Kerajaan adalah juga sedar bahawa penjenayah-penjenayah menjalankan kegiatan-kegiatan mereka dengan rapat secara berkumpulan ataupun dikatakan ber "gang" di mana mungkin didapati seseorang itu memegang tugas yang kecil sahaja, jika dibandingkan dengan orang yang memegang senjatapi sebagai ketuanya misalnya, tetapi bagaimanapun ini adalah suatu unsur yang perlu untuk mencapai matlamat akhir sesuatu jenayah itu. Tak boleh dinafikan kalau 3 orang hendak merompak, seorang yang membawa pistol, yang dua lagi tahu dia ada pistol, tujuannya sungguhpun tak membawa pistol adalah sama bersubahat dengan orang yang membawa pistol. Oleh yang demikian, adalah patut juga supaya orang yang se-

macam itu sebagai rakan sejawatnya (accomplice) dihukum dengan cara yang sama seperti orang yang menggunakan atau melepaskan tembakan senjatapi dengan hukuman bunuh juga. Oleh yang demikian, Akta itu telah dipinda supaya rakan sejenayah didudukkan di tempat yang serupa seperti penjenayah utama.

Kerajaan berpendapat bahawa masalah menggunakan senjatapi secara haram hendaklah diatasi pada puncanya. Orang-orang jahat hari ini yang menggunakan senjatapi bagi menjalankan keganasan terhadap orang-ramai sebagai mata pencarian hidup mereka adalah orang-orang yang kejam, tidak mempunyai rasa belas kasihan dan pintar pula, dan orang-orang ini tidak menghiraukan nyawa mereka sendiri dan apatah lagi nyawa orang lain. Untuk membolehkan orang ramai hidup dalam aman dan damai tanpa perasaan takut, maka perlulah bagi Kerajaan bertindak dengan lebih cekap, lebih keras dan tegas jika tidak pentadbiran keadilan akan menjadi sia-sia dan diketawakan. Tidak dapat tidak ini bererti bahawa jika sekiranya pengguna-pengguna senjatapi hendak dihapuskan, maka undang-undang hendaklah melarang orang-orang daripada memiliki senjatapi dalam apa keadaan juga tanpa kebenaran atau lesen dan sesiapa yang melanggar undang-undang itu hendaklah dikenakan hukuman yang amat berat. Bagi maksud ini maka Akta itu telah dipinda untuk memberatkan lagi hukuman berkenaan dengan membawa senjatapi tanpa lesen. Penalti sekarang adalah penjara selama 14 tahun serta hukuman sebat yang mesti dihukum oleh Hakim sebanyak tidak kurang daripada 6 kali, kurang 6 kali adalah menyalahi undang-undang dan boleh lebih daripada 6 kali, tak mengapa, iaitu adalah satu tambahan daripada 7 tahun undang-undang yang lama itu ialah 7 tahun penjara atau \$10.000 denda, bermakna ada kalanya boleh dihukum mereka itu \$10.000 denda. Tetapi undang-undang itu masih berjalan lagi.

Satu kesalahan baru telah dimasukkan dalam undang-undang ini supaya boleh dihukum penjara selama hayat dan dikenakan sebat 6 kali rotan kerana memiliki senjatapi semasa melakukan kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual. Hukuman ini pada sesiapa yang membawa senjatapi, tak guna membawa senjatapi masa melakukan kesalahan-kesalahan yang ada dalam Jadual dan hukumannya ialah seumur hidup hingga

mati dalam jel dan tak kurang 6 rotan—tak guna membawa senjatapi sahaja. Begitu juga Rang Undang-undang ini telah memberatkan hukuman bagi kesalahan menunjukkan senjatapi semasa melakukan sesuatu jenayah, dicabutnya pistol misalnya ditunjukkan, yang dinyatakan dalam Jadual itu daripada 20 tahun serta sebat menurut budi-bicara kepada penjara seumur hidup dan dirotan tidak kurang daripada 6 kali.

Dua jenis kesalahan yang baharu telah juga ditambah kepada Jadual itu iaitu mencolek dan pecah rumah dan menceroboh rumah yang mana adalah jenis kesalahan yang Kerajaan hari ini merasa patut dikenakan hukuman yang lebih berat juga mengikut dasar Akta itu.

Rang Undang-undang ini juga akan mengadakan suatu peruntukan baharu untuk memastikan bahawa orang-orang yang hendak mengelak daripada undang-undang ini hanya dengan mengiringi atau berkawan dengan orang-orang yang diketahuinya membawa senjatapi hendaklah juga dihukum, dan dengan itu menyatakan dengan tegas dan nyata kepada orangramai bahawa orang-orang yang mengaku dirinya sebagai tak bersalah mestilah jangan mencapuri orang-orang yang diketahuinya membawa senjatapi. Pendek kata, kalau hendak selamat, dan tahu seorang itu membawa senjatapi dengan tak berlesen, jangan dekat, jauhkan lagi hendak berkawan atau bersahabat. Hukuman dalam perkara ini adalah juga 14 tahun dan sebat mesti dikenakan tidak kurang daripada 6 kali.

Kerajaan adalah juga sedar akan perlunya mengatasi keadaan di mana senjatapi tiruan digunakan (toy pistol). Penggunaan senjatapi tiruan (toy pistol) untuk menjalankan keganasan terhadap orangramai semasa menjalankan jenayah supaya mereka beralah atau takut seperti menggunakan senjatapi semacam juga menggunakan pistol yang sebenar, maka patutlah dihukum dengan cara yang sama juga. Dahulu perkara ini belum ada kesalahan. Apa yang diperlukan bukan semata-mata samada senjata itu boleh membunuh, meletup atau tidak, kerana senjata itu boleh menyebabkan orang memikirkan sebagai satu senjata yang boleh membunuh, dengan sebab itu dia menyerahkan. Oleh yang demikian, pada fikiran Kerajaan adalah perlu di sini bahawa sesiapa juga yang menggunakan senjatapi tiruan (toy pistol)

semasa melakukan kesalahan jenayah yang di dalam Jadual itu untuk menakutkan seseorang boleh dikenakan penjara selama 10 tahun dan tidak kurang disebat daripada 3 rotan. Bagaimanapun, Kerajaan belum lagi memikirkan patut pada peringkat ini dikenakan penalti yang sama seperti penalti menggunakan senjatapi yang benar.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu maklum kalau kita ditakutkan dengan satu senjata itu samada ia toy pistol atau pistol betul, kita tidak tahu dan saya tidak percaya kita berani ambil chance kerana pada perasaan kita pistol itu tiruan, rupanya meletup, seperti baru-baru ini kita dengar banyak kes berlaku.

Memperniagakan senjatapi adalah satu kesalahan. Memperniagakan senjatapi akan juga dikenakan hukuman berat, hukuman bunuh atau hukuman penjara seumur hidup dan juga sebat tidak kurang daripada 6 kali. Ini bererti bahawa membuat, mengimpot, menjual, membaiki atau meminjamkan senjatapi tanpa lesen atau kebenaran yang diberi di bawah Akta Senjatapi atau Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya adalah dilarang dengan mutlak.

Kita rasa jika perbuatan menggunakan senjatapi secara haram hendak dihentikan, maka semua jenis punca haram mengenai pembekalan mestilah terlebih dahulu dihapuskan. Dan dengan timbulnya semula pendhakaan kominis yang ada sekarang, maka soal perbuatan memperniagakan atau jual-beli senjatapi adalah mendatangkan suatu bahaya yang lebih besar pula kepada masyarakat kita dan kepada negara kita, sebab senjatapi itu mungkin jatuh ke tangan musuh kita yang ada di dalam negara kita. Oleh yang demikian, mustahaklah bagi Kerajaan mengadakan undang-undang yang menyatakan bahawa tidak boleh dalam apa-apa keadaan pun senjatapi dilepaskan dari satu tangan ke satu tangan yang lain, kecuali dengan lesen atau dengan kebenaran yang sewajar yang diberi di bawah Akta Sejatapi.

Peruntukan-peruntukan pindaan dalam Rang Undang-undang mungkin didapati sangat keras tetapi memandangkan keadaan yang didapati sekarang di negara kita, maka saya percaya bahawa inilah sahaja caranya untuk kita menentang unsur-unsur jenayah yang ada dalam masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya menyatakan di sini bahawa undang-undang ini terlampau berat maka akan timbullah, alhamdulillah kita manusia, kes-kes yang tidak patut difikirkan dipotong di bawah undang-undang ini. Saya tahu kebanyakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan setengah orang awam ada menyimpan senjatapi bagi dirinya atau kerana menyimpan di rumah untuk memburu dan lain-lain lagi. Misalnya, dengan tidak diketahuinya senjatapi itu dipinjam oleh abangnya atau adiknya atau orang lain di rumahnya untuk menembak keluar rumah, adakah patut dihukum seumur hidup atau mati? Ini yang kita bimbangkan. Atau misalnya kita ada berlesen, yang saya katakan pecah rumah tadi hukumannya sama walau orang itu bawa pistol berlesen atau tidak berlesen. Misalnya, berlaku pada anak kita, isteri kita tersedar bahawa ada kecurian berlaku di rumah, hati siapa yang tahan, pistol ada di tangan; berlari, pecah rumah itu ditendang untuk mencari pencuri itu. Sungguhpun tidak sama, kalau dihukum orang ini seumur hidup, adakah patut dihukum orang itu? Saya terangkan di sini dengan sebab Undang-undang Tambahan Penalti, Undang-undang Senjatapi yang lama itu masih ada lagi, di mana saya kata hukumannya fine atau guilty. Maka saya berjanji kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini dan kepada rakyat jelata, kita tidak akan sewenang-wenangnya dengan undang-undang ini mestilah menjaga dengan baiknya kerana berhak pihak yang berkuasa. Polis dan Jabatan Peguam Negara membuat tuduhan samada di bawah undang-undang ini atau undang-undang lama mengikut keadaan dan lain-lain. Saya akan menghantar apakala lulus undang-undang ini, arahan-arahan kepada pihak yang berkuasa di seluruh Malaysia, pihak Polis, Pendakwa Raya memikirkan cara-cara apakah yang patut dituduh di bawah undang-undang ini dan di manakah dituduh di bawah undang-undang yang lama itu yang lebih ringan, yang tidak patut diterusi dan sekiranya ada was-was atau tidak puashati, maka mereka itu mesti minta keputusan daripada saya sendiri kerana ini adalah satu perkara yang amat berat yang saya bimbang, kita takut barangkali satu daripada Ahli kita kalau kena esok, saya sendiri pun bimbang.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin, dengan kerjasama daripada sahabat saya semua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya

dapat saya menjawab mengenai undang-undang ini sebelum 6.30 kerana saya cuma ada setengah jam sahaja hendak pergi ke airport bertolak ke satu tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Wong Seng Chow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.14 p/g.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang pindaan yang dikemukakan oleh Peguam Negara.

Saya minta kepada Kerajaan walaupun kita meminda Rang Undang-undang ini, kalau Kerajaan tidak tegas di atas perlaksanaannya, maka tidaklah mungkin kita menjalankan segala pindaan yang dikemukakan oleh Peguam Negara tadi.

Senjatapi ini ada di negeri kita bukan satu atau dua, saya rasa banyak, sebab banyak berlaku kematian bagi orang-orang yang tidak berdosa malahan orang yang menembak itu tidak kena pun dihukum ataupun tidak dapat ditangkap dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta kepada Kerajaan supaya membuat satu ikhtiar bagi mencari jalan di manakah adanya senjatapi-senjatapi di dalam negara kita ini yang berlebihan di dalam tempat-tempat yang kita syak ada orang-orang penjahat. Saya percaya senjatapi ini, kita tidak dapat menafikan, bukan kepada Ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat sahaja, malahan kepada orang ramai pun mestilah diperhatikan. Saya berharap Kerajaan akan menyasat dahulu perkara ini. Kita mestilah ambil suatu pandangan. Kerajaan Jepun semasa memerintah kita dahulu bila sahaja disyaki, masuk ke rumah-rumah orang itu. Ini bermakna supaya dapat kita menyelidik dengan teliti atas pelaksanaan pindaan Rang Undang-undang ini.

Tadi Peguam Negara telah menyatakan bagaimana kalau Ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat hendak mengadakan senjatapi kemudian diberi pinjam kepada adik atau isteri. Sekiranya berlaku, hendaklah kita hukum walau dia Ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat, hukuman Kerajaan

mesti dijalankan. Kita tidak boleh bezakan antara Dewan Rakyat, Dewan Negara berlebihan, itu tidak patut. Rang Undang-undang yang kita pinda ini tidaklah patut dibeza-bezakan.

Saya berharap Kerajaan hendaklah tegas dalam menjalankan undang-undang ini sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Peguam Negara tadi yang memakan masa lebih kurang tiga suku jam.

Demikianlah, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

4.20 ptg.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil sedikit peluang dalam membahaskan Rang Undang-undang ini, iaitu memandangkan keadaan-keadaan yang berlaku di tanahair kita pada hari ini bagaimana pesatnya kemajuan-kemajuan yang telah kita capai maka begitu juga nampak pesatnya kejadian-kejadian jenayah yang berlaku di mana-mana bahkan kadang-kadang kita dapat membaca dalam akhbar setiap hari rompakan-rompakan bersenjata ini sehinggakan kepada Pegawai Polis sendiri pun ada yang telah kena bunuh satu dua orang pada masa yang akhir-akhir ini, yang membayangkan bagaimana kegiatannya pihak-pihak pengganas ataupun penjenayah bergerak di tanahair kita ini.

Kita barangkali tentulah patut mengetahui dan menyiasat dengan teliti, apakah yang menyebabkan kejadian-kejadian seumpama ini makin bertambah walaupun sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Peguam Negara baru sekejap tadi, pihak pegawai-pegawai keamanan kita khasnya Pegawai Polis memang sangat cekap dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencegah dan mengatasi jenayah-jenayah ini tetapi sebanyak itu yang ditangkap dan sebanyak itu yang dihukum maka sebanyak itu pula yang timbul dan tumbuh di merata-rata tempat. Gangster-gangster bukan sahaja dalam bandar-bandar yang besar bahkan melarat kepada pekan-pekan kecil pun sudah ada sekarang. Mungkin juga saya rasa salah satu daripada sebab-sebabnya ialah dengan kerana kesan-kesan daripada pertunjukan-pertunjukan wayang gambar lagi sekali. Kalau dahulu kita heboh dengan mengatakan kesan daripada wayang gambar

iaitu filem-filem lucah merosakkan akhlak dan moral anak-anak muda kita maka sekarang juga kesan daripada filem-filem gangster ataupun filem-filem ngeri memang ada bukti menunjukkan telah meresap banyak kepada jiwa pemuda-pemuda kita yang kurang mempunyai asas-asas pendidikan moral ataupun pendidikan agama dan sebagainya. Memandangkan keadaan-keadaan ini memang sudah kena pada tempatnya Rang Undang-undang yang seumpama ini diadakan, supaya dengan jalan itu Insya Allah barangkali kita akan dapat mengurangkan kejadian-kejadian yang menyakitkan hati kita selama ini. Bahkan bukan sahaja menyusahkan rakyat jelata dalam negeri ini dan menyusahkan Kerajaan tetapi juga dengan sebab kejadian-kejadian ini yang ada setengah-setengahnya barangkali kita telah membaca kejadian-kejadian rompakan sampai membawa kepada bilik-bilik hotel yang besar, ini telah menjatuhkan imej negara kita di masa pelawat-pelawat dari luar negeri. Ini juga mesti diberi jalan untuk mengatasinya supaya dapat kita mencegah atau menghapuskannya.

Saya berharap apabila Rang Undang-undang ini telah diluluskan, maka penerangan yang meluas hendaklah kita adakan dengan melalui bukan sahaja hanya sekali dengan berita apabila ada Persidangan Dewan ini dinyatakan dengan sekali gus sahaja, menyatakan Rang Undang-undang ini telah diluluskan. Ini tidak memadai kerana kebanyakan orang-orang kita tidak begitu mengambil berat tentang berita-berita akhbar. Yang saya maksudkan, kalau boleh kita siarkan dengan secara yang lebih meluas melalui siaran-siaran Radio dan Talvisyen dan kalau boleh pamphlet ditampalkan di tempat-tempat orang awam yang menunjukkan undang-undang ini telah diadakan dan hukuman yang sangat berat akan dijalankan oleh Kerajaan serta tindakan-tindakan Polis yang lebih teratur dengan tenaga yang lebih banyak. Insya Allah dengan jalan itu barangkali mereka yang ada sedikit sebanyak perasaan hendak mencari kesukaan dengan jalan jenayah tadi barangkali pulih sedikit ataupun merasa takut oleh kerana memandangkan kenyataan-kenyataan tadi.

Satu lagi saya nampak masalah pencegahan ataupun mencari penjenayah-penjenayah ini; saya memanglah mengucapkan

tahniah kepada Pegawai-pegawai Polis kita yang telah banyak menunjukkan kejayaan-kejayaan dengan sebab kecekapan mereka dan kegagahan ataupun keberanian mereka. Tetapi saya nampak ada setengah tempat-tempat itu yang tidak begitu kemas penjagaannya. Saya misalkan berkenaan dengan road-block yang selalu ada di mana-mana di segenap pelusok tanahair kita ini. Di tengah-tengah jalan mungkin barangkali road-block itu diadakan dengan satu tujuan yang tertentu. Misalnya sekarang ini ialah diutamakan untuk mencari penyeludup iaitu untuk mencegah daripada orang memindahkan makanan, beras dan sebagainya. Road-block Polis ada juga kalanya kerana hendak mencari penjenayah. Tetapi saya nampak cara pemeriksaan sangat longgar. Apa yang saya perhatikan, bila lalu sebuah kereta hanya kadang-kadang ditengok begitu sahaja terus mereka jalan walau siapa pun tidak kira. Pada hal kalau ada 10 senjatapi sekalipun di dalam kereta itu tentu tidak boleh nampak sebab mereka takkan hendak meletakkan di atas riba ataupun meletakkannya di tempat duduk, mereka akan meletakkannya di bawah-bawah kaki ataupun di mana-mana. Dalam masa yang seumpama ini, dalam masa kejadian-kejadian yang terlampau menjadi-jadi ini, dan dalam masa kegiatan-kegiatan kominis yang telah menunjukkan belangnya pada hari ini, saya rasa penjagaan road-block itu hendaklah diketatkan iaitu tiap-tiap kereta mestilah diperiksa dengan betul, kecuali yang kita nampak orang yang melintas itu orang-orang yang telah dikenal Pegawai Polis atau Pegawai Kehakiman ataupun mungkin Ahli-ahli Parlimen barangkali kalau dia sudah kenal itu mungkin juga boleh hendak dilonggarkan sedikit, tetapi kalau yang kebanyakannya yang lain patutlah kita bersungguh-sungguh sedikit sekatan-sekatan itu dijalankan.

Itulah sahaja dan saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini diluluskan.

4.28 ptg.

Tuan Haji Mohd. Said bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Senjatapi.

Berkenaan dengan Rang Undang-undang Senjatapi ini, ada berkaitannya di antara satu dengan lain, iaitu kita mestilah meminda

undang-undang berkenaan pencuri kereta, sekuter atau motor kerana mereka yang mempunyai senjatapi haram ini menggunakan senjatapi dengan menggunakan kereta, sekuter dan sebagainya. Bukan sahaja dengan menggunakan senjatapi secara haram, iaitu dengan berjalan kaki. Kita telah perhatikan tiap-tiap kali merompak, mencuri berlaku, mereka menggunakan kereta-kereta haram. Curi, tipu nombornya dan begitulah sekuter dan lain-lain lagi. Dengan itu, sepatutnya undang-undang yang semacam ini dikenakan kepada sesiapa yang mencuri kereta, yang mencuri sekuter ataupun motor.

4.30 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang ini, saya suka memberi pendapat-pendapat saya berkenaan dengan perkara yang berkaitan dengan menggunakan senjatapi dan sebagainya. Undang-undang ini ialah salah satu daripada usaha untuk menghapuskan jenayah-jenayah ini tetapi saya rasa kita harus mengkaji perkara-perkara yang lain daripada undang-undang ini.

Pertama sekali, apa yang kita patut mengkaji ialah punca datangnya senjatapi, dari mana senjatapi ini datang dibawa masuk, diseludup dan dijual di dalam negeri kita ini. Kalau kita dapat tahu daripada mana puncanya datang dan apa ikhtiar yang akan kita lakukan bagi menyekat punca-punca senjatapi ini dibawa masuk maka tentulah senjatapi yang ada dalam negara kita yang haram ini akan berkurangan.

Saya suka hendak memberi pandangan saya iaitu setahu saya senjatapi ini datang daripada Negeri Siam iaitu kalau ikut darat dan Negeri Siam itu ialah di sebelah negeri saya iaitu Negeri Kelantan di selatan Siam yang diseludup masuk daripada Sungai Golok ke Kelantan dan menjalar ke negeri-negeri lain. Satu lagi punca kemasukan senjatapi ini ialah ikut laut melalui perahu-perahu nelayan ataupun bot-bot ronda daripada Kerajaan-kerajaan yang berjiran dengan kita. Umpamanya ada setengah-setengah mereka yang bekerja sebagai perunda-perunda laut di Selat Melaka yang nampak harga senjatapi di negeri kita ini mahal boleh dijual maka kalau ada ekses

sedikit benda yang berlebih di negeri dia itu, dijual menerusi bot-bot nelayan semasa bertemu di tengah-tengah laut waktu merunda. Dan kalau dia sebelah selatan Siam senang sahaja senjatapi ini boleh dikatakan tidak begitu kuat dikontrol di Sungai Golok umpamanya di sebelah sempadan-sempadan di selatan Negeri Siam sehingga kadang-kadangnya setengah-setengah mereka itu boleh pakai senjatapi haram di Negeri Siam di hadapan orang ramai ataupun menggunakannya untuk menembak orang di pekan-pekan di negeri jiran kita itu. Inilah puncapuncanya yang saya katakan yang boleh senjatapi itu diseludup masuk ke negeri kita dan dijual kepada gangster-gangster, pegganas-peggnas kominis ataupun orang-orang jahat yang ada dalam negara ini.

Saya nampak kalau sekiranya kita hendak menjaga penggunaan senjatapi haram dalam negara kita sahaja sudah tentu kita sudah hendak kawal kerana terlampau banyak dalam negeri ini. Ada baiknya Kerajaan kita bawakan perkara ini ke tengah berunding dengan Kerajaan-kerajaan yang menjadi jiran dengan kita seperti Kerajaan Siam dan Kerajaan Indonesia adakan satu perundingan. Kita ada badan ASEAN yang boleh kita kemukakan jadikan satu agenda bagi dirundingkan oleh badan ASEAN itu bagaimana cara hendak menyekat penggunaan senjatapi haram umpamanya di sempadan-sempadan negeri yang berjiran dengan kita seperti Negeri Siam, Indonesia, Singapura dan sebagainya. Kalau sekiranya Kerajaan Thai menggunakan undang-undang dan bertindak sama serupa dengan undang-undang Kerajaan kita di sebelah selatan Siam maka sudah tentulah berkurang orang-orang jahat yang suka berniaga senjatapi-senjatapi haram di Negeri Siam. Dengan kekurangan iu akan berkuranglah pula kemasukan senjata haram ke negara kita. Begitu juga di Indonesia umpamanya, kalau Kerajaan Indonesia boleh dipujuk, boleh dirundingkan supaya dihadkan penggunaan senjata yang bebas dengan pembelian senjata yang bebas dengan berlesen yang begitu mudah didapati daripada Kerajaan ataupun askar dan polis yang bekerja dan sebagainya yang boleh bebas meniaga senjatapi-senjatapi haram di sempadan Indonesia ini, kalau ini boleh disekat oleh Kerajaan Indonesia sendiri dengan cara rundingan bersama dengan Kerajaan kita

saya rasa barulah kita dapat mengurangkan kemasukan senjatapi daripada negara-negara jiran ini.

Apa yang saya rasa bimbang, ialah gangster dengan pegganas-peggnas kominis ini akan berhubung di antara satu sama lain. Mereka tidak boleh bertindak di dalam hutan mereka menggunakan senjatapi haram ini untuk diberikan kepada gangster-gangster yang ada di bandar-bandar. Gangster-gangster ini akan mendapat bekalan senjatapi daripada pegganas-peggnas kominis ini dan menggunakannya untuk merompak, memeras-ugut dan sebagainya dalam bandar supaya dapat pegganas-peggnas kominis ini menunjukkan kepada dunia yang negara kita ini sudah tidak aman lagi. Negara kita ini telah begitu kelam-kabut dengan jenayah-jenayah yang begitu hebat yang menyebabkan takutnya pemodal-pemodal asing, pemodal-pemodal luar, pelancung-pelancung dan mereka yang datang daripada luar negeri untuk melawat negeri kita ini, bagaimana pernah kita di Malaysia ini rasa takut hendak pergi ke Filipina umpamanya kerana terlampau bebas kejadian-kejadian jenayah di Bandar Manila. Perasaan takut dan gerun ini akan timbul kiranya kita tidak betul-betul menjaga hal ini dan ini saya rasa ada kaitan, ada pelan-pelan yang diatitkan oleh pegganas-peggnas kominis supaya benda ini timbul supaya mereka dapat membuat huru-hara dalam negeri kita ini. Saya rasa Kerajaan tidak patut memandang kecil perkara penye-ludupan ataupun perkara menggunakan senjatapi yang haram di negeri-negeri jiran kita. Kita sekarang asyik berunding buat undang-undang di dalam negara kita tetapi kita tidak memikirkan bagaimana perkara itu merebak ataupun berlakunya di negara-negara jiran kita yang patut sama kita bertindak. Kalau kita ada satu usaha bersama bagi menghapuskan pegganas-peggnas kominis di sempadan negara kita kenapa tidak boleh ini menjadi satu daripada perkara yang patut dibincang bersama untuk kita buat undang-undang bersama, untuk kita approach cara bersama bagi negeri-negeri yang berjiran dengan kita. Ini adalah satu daripada pandangan saya dari segi hendak mematahkan punca-punca kemasukan senjatapi-senjatapi haram ini.

Perkara yang kedua, yang saya suka sebutkan di sini ialah kuasa polis mengawal keselamatan dalam negeri kita ini. Pada

hari ini kita telah ada berbagai-bagai undang-undang. Kita ada undang-undang jenayah, kita ada undang-undang menahan orang jahat, kita ada undang-undang memindahkan orang-orang jahat daripada satu kawasan kepada satu kawasan, kita ada berbagai undang-undang yang boleh digunakan oleh polis untuk mematah dan menghancurkan gangster-gangster, orang-orang jahat, kumpulan-kumpulan haram yang ada dalam negara kita ini. Saya faham dalam susunan atau organisasi polis iu sendiri ada kumpulan-kumpulan. Ada kumpulan menjaga kereta supaya tidak letak kereta di tempat yang tidak betul, ada polis yang merunda untuk menghambat orang-orang yang memandu kereta dengan laju dan ada pula dalam kumpulan polis yang menjaga pencuri-pencuri rumah yang pada malam hari dia tahu curi rumah sahaja. Ada kumpulan yang tahu curi rumah sahaja ada tidak peduli senjata, dia tidak peduli apa, dia tahu penyakit dia ialah hendak mencuri rumah. Pada malam hari dia cari rumah yang tidak tutup tingkap untuk dicuri. Dalam organisasi polis ini juga ada kumpulan-kumpulan yang menjaga mereka ini dan ada kumpulan yang menjaga gangster-gangster. Polis ini juga menyeludup di dalam kumpulan-kumpulan gangster. Dia tahu gangster itu. Dia tahu di mana ada gangster, siapakah gangster itu, siapa kepalanya, siapa pengikutnya, berapa besar kumpulan itu, apa namanya. Pernah kita dengar benda ini ada gelarannya gangster-gangster atau kumpulan-kumpulan itu. Kalau sekiranya polis di negeri kita ini tahu segala-galanya, apa yang berkembang, apa yang bergerak, apa yang berlaku di dalam negeri kita ini, kenapa polis tidak bertindak?

Kalau selepas peristiwa 13 Mei dahulu kita boleh himpulkan kumpulan gangster yang begitu ramai dibawa ke pulau simpan mereka di satu pulau, tahan mereka, himpulkan di satu tempat dan beri mereka makan dan kerja supaya tidak mengacau orang lain, kenapa pada hari ini kalau polis sudah tahu kumpulan ini bergerak di kampung ini, di kawasan ini, di bandar ini, di pekan ini, kenapa tidak boleh kita gunakan kuasa yang ada pada kita? Tangkap kepala-kepala gangster itu, himpulkan mereka di satu tempat, gunakan kuasa yang ada dalam tangan kita. Pindahkan mereka dan jangan benarkan mereka ini berjalan bebas di dalam bandar-bandar dan pekan-pekan yang mana

mereka boleh menyusahkan orang-orang awam, orang-orang yang baik yang ada di dalam negara kita ini. Saya rasa polis kita cukup lengkap, cukup dengan alatnya, cukup dengan kakitangannya, cukup dengan pakar-pakar yang tahu masaalah gerakan penjahat ini dan cukup keterangan yang boleh dituju di mana patut dia hendak dicegah gerakan-gerakan jahat ini.

Saya rasa sudah boleh polis kita ini bertindak menggunakan segala kekuatan yang ada, menggunakan segala pakar yang ada menggunakan segala alat yang ada. Kalau perlu polis kita patut membeli alat-alat pengesan senjata dengan banyak supaya alat-alat pengesan senjata ini boleh digunakan di tiap-tiap sempadan lalulintas di mana senjata ini dibawa. Kita pernah dengar alat-alat pengesan senjata ini dipakai di airport, sewaktu mereka hendak lalulintas naik kapal terbang dikesan dengan menggunakan satu alat yang moden yang boleh diketahui apa yang ada di badan orang itu. Jadi kalau ada alat-alat pengesan ini di dalam bot-bot perunda polis kita apabila mereka berjumpa satu perahu nelayan umpamanya, bawa alat pengesan senjata itu dia tahu bot itu ada senjata ataupun tidak. Kalau keretapi yang melintas antara Sungai Golok dan Kota Bharu umpamanya, seorang polis boleh berjalan sahaja dengan alat pengesan itu di dalam gerabak-gerabak keretapi itu untuk mengesan mereka yang ada dalam keretapi itu ada senjata bersama dengan mereka atau tidak. Saya rasa ini satu daripada usaha yang boleh dibuat oleh polis, dan kalau sekiranya benar-benar polis bertindak, saya rasa kita boleh mematahkan gerakan-gerakan jahat ini.

Yang ketiga, saya suka sebutkan di sini iaitu tentang kerjasama orang ramai dengan polis, sebagaimana Yang Berhormat Peguam Negara mengatakan orang ramai patut memberi kerjasama dan berdiri di belakang polis. Saya rasa orang ramai semua hendak berdiri di belakang polis, mahu memberi information, keterangan atau maklumat, mereka bukan tidak mahu. Ada satu masaalah yang besar yang menyebabkan mereka ini takut, bukan kerana takut mati, tetapi takut susah dibuat oleh polis, bukan dibuat oleh penjahat. Kalau diberi information, saya tidak dapat kerja, hendak berniaga pun tidak dapat, hendak masuk pejabat pun

tidak dapat, sebab hari ini polis datang, besok dia datang ke rumah, lusa dan seterusnya. Dengan sebab itu, saya tidak jadi hendak buat kerja. Itulah sebabnya kalau beri keterangan, saya dipanggil ke balai polis dan sebagainya. Orang ramai bukan takut kepada penjahat, mereka susah dibuat oleh polis. Jadi ini pun satu masalah yang patut diteliti oleh polis sendiri bagaimana cara hendak menyenangkan orang-orang yang hendak bekerjasama dengan polis, bagaimana cara kita hendak beri kemudahan supaya mereka ini galak dan suka hati keluar ke hadapan memberitahu kepada polis: ini dia penjahat, kumpulan jahat ada di kampung ini di pekan ini, kami tahu. Sekali kami cakap, cukup. Tidak payah tanya lagi. Itu kerja polis pergi cari, kadang-kadang ada polis tidak pergi cari, dia hendak cari kita sahaja. Hari ini tanya, besok tanya, lusa lagi tanya. Apabila information sudah diberi terus jalankan tugas dan tidak perlu tanya tiap-tiap kali.

Ini satu masalah yang saya rasa perlu dikaji, sebab pernah pada masa-masa dahulu, pada masa orang putih memerintah dahulu dia buat satu simbol tangan berjabat antara polis dengan orang ramai. Ini persahabatan, perkhidmatan di antara polis yang memakai badge. Polis pakai badge, dia hendak betulkan hati polis dengan memberi badge supaya mata-mata yang bekerja itu dia rasa ini tangan aku dengan tangan orang ramai, ini persahabatan. Cara mereka menyoal baik. Cara bercakap, cara bekerja, hubungan di antara polis dengan orang ramai itu perlu kalau kita mahu kepada sokongan, kepada keberanian kepada perpaduan di antara polis dengan orang ramai, kalau kita hendak perkara itu, polis kena beri, bukan mengambil. Kita lebih memberi maka kita dapat mengambil lebih daripada apa yang kita beri. Ini latihan, kursus ataupun cara-cara ini patut diajar, patut diberi pengertian kenapa polis bahawa mereka ini penjaga keamanan, mereka ini sahabat orang ramai, mereka ini bersedia untuk menolong sesiapa yang susah, mereka ini ialah orang yang digaji oleh rakyat dan oleh Kerajaan untuk memberi khidmat yang cemerlang kepada orang ramai dalam usaha menghapuskan penjahat-penjahat ini.

Satu lagi yang saya suka hendak beri pendapat saya ialah masalah lesen senjata. Seperti kata Peguam Negara tadi perompak-perompak hari ini tidak cari orang kaya

ataupun jarang cari orang kaya. Kalau dia cari orang kaya dia kena lawan orang kaya itu yang ada senjata, ada body-guard, ada safeguard, ada pengawal securicor menjaga. Kalau dia hendak serang orang-orang kaya dia mesti fikir 3 kali dia mesti plan 10 hari. Kalau dia hendak tunggu van di tengah jalan, dia tidak payah plan. Van itu berhenti sahaja dia angkat habis semua sekali. Kalau dia hendak rompak bank, maka dia kena plan barangkali berbulan-bulan, sebab bank itu ada alat-alat, kawalan-kawalan dan kaedah-kaedah yang boleh mengawal atau melawan serangan-serangan yang akan didatangi oleh penjahat-penjahat ini. Masalah hari ini ialah masalah bagaimana kita hendak menyelamatkan, hendak mengawal, hendak menjaga bukan lagi orang kaya, bukan lagi gedung-gedung yang besar, di bandar-bandar yang besar tetapi kita hendak mengawal dan menjaga ialah gedung-gedung yang kecil di pekan-pekan yang kecil. Kita hendak menjaga peniaga-peniaga kecil yang modalnya kecil yang sentiasa terpaksa berjalan daripada satu tempat ke satu tempat.

Bagaimana kita hendak kawal mereka ini. Sebab orang ini, penjahat ini kalau dia tahan satu van, dia boleh dapat \$500 atau \$1,000 atau \$2,000, sudah cukup baginya. Sebab rezki yang diambil itu tidak besar dan tidak berat. Kalau dia hendak rompak satu van walaupun dia jangka boleh dapat \$1 juta atau \$10 juta tetapi dia kena fikir nyawanya dahulu. Kalau dia ada senjata, tahan van di tengah jalan dia boleh dapat \$2,000; \$3,000 senang-senang, driver itu menyerah sahaja tidak melawan.

Adalah sudah menjadi tanggungan kita memikirkan bagaimana hendak menyelamatkan driver-driver van ini, bagaimana kita hendak menyelamatkan kedai-kedai emas yang ada di kampung-kampung pekan-pekan kecil. Bagaimana kita hendak menyelamatkan peniaga-peniaga, pekebun-pekebun yang pergi ke kebun untuk membayar gaji-gaji pekerja-pekerja yang kebunnya tidak besar tidak sebagaimana estet-estet yang besar umpamanya 90 ekar, 100 ekar yang terpaksa membawa wang untuk bayar gaji umpamanya. Ini kita kena fikir bagaimana hendak menyelamatkan, mengawal orang-orang ini. Adakah kita boleh kawal mereka ini dengan membawa Polis bersama-sama mereka sebagaimana millionaire membawa Polis untuk berjalan di bandar? Adakah boleh

kita kawal mereka ini dengan memberi body-guard, tak boleh kerana golongan ini terlampau ramai, dan tidak dapat membayar upah kepada body-guard ini.

Apa yang kita patut timbangkan ialah adakah patut kita memberi kemudahan kepada mereka ini supaya mereka ini boleh membawa senjata untuk berlawan dan mengawal diri mereka. Hari ini kita mempunyai dasar mengurangkan seberapa banyak lesen senjata. Kalau boleh kita tak mahu keluarkan lagi lesen-lesen pistol umpamanya, lesen-lesen senjata itu satu daripada keputusan yang baik. Tetapi patut kita kaji hari ini, ialah pistol kekurangan, kenapa timbul lagi kejahatan-kejahatan ini? Kenapa timbulnya rompak-rompak kepada mereka yang pertengahan yang tidak begitu kaya lagi. Ini patut kita kaji. Kalau kita beri lesen senjata kepada mereka ini supaya mereka boleh membawa senjata untuk menjadi pengawal dirinya, barangkali boleh jadi penjahat itu memikir dua kali, kerana dia tahu orang ini ada senjata boleh lawan.

Perkara ini patut dikaji balik oleh Kerajaan, pihak Polis dalam perkara mengeluarkan lesen senjata iaitu melanggarkan sedikit kepada mereka yang perlu kepada keselamatannya. Kita ketatkan pihak kita orang-orang baik, tetapi kita tak dapat mengawal golongan penyeludup dan pemegang senjata yang haram. Bagaimana kita hendak berlawan, kita tangan sahaja tidak ada senjata hendak melawan dengan mereka yang ada senjata, tentu tak boleh lawan. Kita takut sebab tak ada apa-apa di badan, tetapi kalau sekiranya kita ada apa-apa di badan dan kalau penjahat-penjahat tahu orang-orang yang ada kebun-kebun kecil di kampung, driver van yang ada barang \$1,000; \$2,000 umpamanya untuk dibawa kalau dia ada senapang dalam van-nya itu barangkali taukeh van itu ada senapang, maka dia memikir dua kali untuk menahan van itu. Sebab boleh jadi dia tahan sebelum van itu dapat berhenti, dia tembak dulu itu terok dia kena. Saya rasa masalah dasar mengetatkan lesen senjata ini patut dikaji balik.

Saya tidak mengesyorkan supaya diberi senjata kepada semua pihak yang berkehendak, tetapi dikaji balik supaya ada kelonggaran-kelonggaran supaya mereka ini dapat memegang senjata untuk berlawan, untuk menjaga diri dan untuk keselamatan

perniagaan-perniagaan mereka. Kalau tidak terpaksa Kerajaan mengeluarkan lesen-lesen securicor dan safeguard, lesen-lesen keselamatan ini dengan bertambah-tambah lagi. Saya buka satu company minta senjata untuk menjaga keselamatan, jadi orang-orang persendirian ini tidak dapat mengawal diri sendiri dengan senjata yang ada di badan. Jadi, inilah pandangan saya tentang dasar mengetatkan mengeluarkan lesen senjata itu patutlah dikaji balik, ditimbang balik supaya kiranya mereka yang layak patut diberi supaya tidaklah menjadi dirinya tidak ter Selamat hidup di dalam negara kita ini.

Saya rasa tidaklah ada lain perkara lagi yang saya hendak berucap dalam memberi pendapat saya kepada Undang-undang ini, melainkan sekali lagi saya suka mengingatkan kepada Kementerian kita supaya kalau boleh memikirkkan masalah tindakan bersama di antara jiran kita dengan Kerajaan kita dalam mengurangkan senjata haram di negara-negara yang bersempadan dengan kita.

4.57 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang mengadakan pindaan kepada Rang Undang-undang Senjata yang sedia ada.

Tujuannya, mengikut apa yang saya faham ialah mengadakan lagi satu macam atau satu rupa penghukuman ataupun penalty kepada orang-orang yang melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Undang-undang Senjata. Terang kepada kita, iaitu kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh anggota-anggota masyarakat kita termasuk ke dalam kesalahan-kesalahan yang berjadual. Sebenarnya, tidaklah mustahak lagi kita mengadakan undang-undang ini kalau sekiranya undang-undang yang kena-mengena dengan kesalahan-kesalahan berjadual itu dapat dilaksanakan dengan elok.

Kalau sekiranya Undang-undang Senjata kita yang dahulu itu dapat dilakukan dengan elok, ini bermakna bahawa masalah yang ada di hadapan kita ini ialah bukan masalah undang-undang kita yang ada itu tidak cukup, tetapi dari segi pentadbiran keadilan (administration of justice), yang ada di hadapan kita itu memerlukan dibuat undang-undang dari satu masa ke satu masa. Itulah sebab apabila kita terasa susah hati ataupun

timbul keraguan tentang kesalahan yang tidak sengaja, maka Peguam Negara kita telah memberi jaminan bahawa kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang tidak berniat jahat itu akan dihukum di bawah undang-undang yang lama dan tidak dengan undang-undang ini. Ini menghilangkan keraguan kita di bawah Fasal 9 iaitu orang-orang yang didapati salah berada sama di tempat itu ataupun orang-orang yang akan dituduh dengan hujah-hujah "circumstantial evidence", dan ini diberi jaminan oleh Peguam Negara kita. Cuma satu sahaja masalah orang yang didapati "in the company of" atau orang-orang yang didapati bersama yang semata-mata hujahnya berdasarkan kepada "circumstantial evidence" sahaja. Inilah yang menjadi satu masalah yang saya minta penjelasan lebih lagi daripada Yang Berhormat Peguam Negara. Sebab orang-orang yang didapati salah dan kesalahan itu akan dibuktikan dengan semata-mata "circumstantial evidence" hendak lari balik kepada undang-undang yang lama sedang di sini pun sudah ada. Inilah yang menimbulkan keraguan dari segi "administration of justice" itu sendiri, hendak dibawa ke mana, di sini pun ada di sana pun ada, terpulang kepada Peguam Negara. Kalau sekiranya terpulang kepada Peguam Negara, terpulang kepada Kerajaan, itulah yang kita katakan Undang-undang kita ini tidak cukup, sebab itu bila kita terasa tersepit hendak menjalankan maka kita salahkan pula kepada mana-mana pihak.

Ini kita dapat bersama-sama minta kepada Peguam Negara iaitu menggunakan perkataan "Suatu Akta bagi Meminda Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat)" dalam bahasa Inggerisnya disebut di sini "Increased Penalties."

Tuan Yang di-Pertua, saya seorang biasa (layman) dan, Peguam Negara kita akan banyak memberi pelajaran kepada kita, dan ucapan-ucapan serta penerangannya kita harap lebih bersifat educative daripada semata-mata menjalankan tugasnya sebagai Peguam Negara. Kalau sekiranya kita sudah mempunyai undang-undang yang meliputi kesalahan-kesalahan berjadual dan kita mempunyai Penal Code kita sendiri, kita tentulah dapat menentukan kesalahan-kesalahan yang kita hendak masukkan ke dalam undang-undang ini, iaitu adakah termasuk ke dalam Undang-undang kesalahan yang berjadual, ataupun sudah

ada di dalam Penal Code. Jika kesalahan-kesalahan itu begitu keadaannya, maka adakah kesalahan membawa senjatapi ini termasuk ke dalam kesalahan-kesalahan yang kita patut beri "capital punishment." Jikalau kita patut beri hukuman capital punishment tidak mustahak lagi kita namakan "Increased Penalties" atau lain-lain. Jikalau tidak termasuk di dalam kesalahan yang patut dihukum dengan "capital punishment" apalah pula maknanya "Increased Penalties." kemudian kurang sedikit "Decreased Penalties." kemudian besar sedikit "Maximum Penalties," kemudian kecil sedikit "Minimum Penalties." Kalau ada yang susah-susah sedikit maka diguna "Medium Penalties." Jadi perkataan "Increased Penalties" ini kita mintalah dengan jasa baik Peguam Negara tukarlah supaya jangan jadi sejarah dalam Dewan Negara ini menerima sahaja apa yang dibuat oleh Dewan Rakyat. "Increased Penalties" ini patutlah ditukar katakanlah "Severe Penalties." samada hendak "more or less" itu terpulanglah kepada kebijaksanaan Peguam Negara. Tetapi menggunakan "Increased Penalties" ataupun "Penalti Lebih Berat" ini amatlah mengelirukan. Kalau kita bercakap dengan mana-mana peguam sebagai seorang sahabat mahkamah (friend of court) dia pun tidak dapat hendak memahami "Increased Penalties" ini, bila istilah ini digunakan. Memanglah terpulang kepada Peguam Negara untuk memilih perkataan itu, dia specialised dalam perkara itu dan dia specialist, tetapi takkanlah pula Dewan ini tidak boleh memberi teguran. Kalau kita tegur, adakah beliau pun hendak membuat satu tindakan hendak menangkap Ahli-ahli Dewan supaya jangan menegur dia? Jadi dengan demikian

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Tidak sekali-kali mengugut. Saya beri lagi sekali keterangan kepada sahabat saya Yang Berhormat—tadi sekali dia telah membuat saya semacam itu—saya katakan bukanlah hak asasi yang dirampas itu bahawa Kerajaan boleh rampas, banyak lain hak asasi yang Kerajaan rampas seperti undang-undang tangkap orang di bawah Internal Security Act, tangkap perkara-perkara lain. Tidak sekali-kali timbul Kerajaan hendak menangkap dia, apakah maksud Yang Berhormat bercakap begitu? Jadi, mengelirukan di hadapan khalayak ramai satu benda

yang tidak benar. Saya terpaksa menerangkan di sini perkara yang sebenarnya. Ahli-ahli yang hadir di sini ada mendengar yang saya tidak ada menyebut atau menggunakan undang-undang tangkap Ahli Yang Berhormat atau Ahli yang lain. Saya ceritakan bagaimana hak asasi seorang itu boleh diambil. Lagi sekali Yang Berhormat sahabat saya itu gunakan perkataan yang menyakit hati saya kerana benda yang tidak betul. Sebab itulah saya terpaksa memberi keterangan sekali lagi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat langsung hendak menyakit hati Peguam Negara. Kalau sekiranya dalam ucapan saya ini ada perkataan-perkataan yang dapat dirasakan oleh Peguam Negara kita sebagai menyakit hati, saya minta maaflah kepadanya. Niat saya bukanlah hendak menyakit hati Peguam Negara. Saya membawa contoh-contoh sebagai seorang layman yang menggunakan perkataan-perkataan barangkali yang tidak merupakan perkataan legal term, maka Yang Berhormat Peguam Negara menganggap saya ini sebagai seorang peguam juga, maka saya menggunakan perkataan itu sampai dia begitu rasa tersinggung hati.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya object ialah Yang Berhormat mengatakan seolah-olah Kerajaan ada berniat hendak menangkap Yang Berhormat—tidak sekali-kali. Itu yang saya object, bukan fasal teguran, itu saya terima.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu bagaimana malangnya saya di dalam Dewan ini (*Ketawa*). Dahulu saya duduk di dalam Dewan ini di sana pun salah, duduk di sini pun salah. Saya rasa untuk menyenangkan Dewan ini, barangkali saya kena letak jawatan, duduk di luar, jangan ambil bahagian langsung dalam politik negara kita ini, barangkali selesailah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat letak jawatan sunyi pula Dewan ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Itu bukanlah satu cara kita hendak berkhidmat kepada negara. Kita boleh hidup dengan jalan lain, tetapi oleh kerana saya telah

masuk di dalam Dewan Rakyat dan Dewan ini, maka selagi saya di dalam masa berkhidmat, saya hendak contribute secara yang saya boleh. Tiba-tiba timbul satu perkataan yang saya salah menggunakan agaknya di segi undang-undang, maka seorang peguam rasa sakit hati sangat dengan kesalahan yang disebut oleh orang layman ini. Kita sama-sama layman. Ini saya rasa ikhlas sahaja, tetapi maktumlah seorang yang terlalu teknikal ini tersilap sedikit cakap sahaja sudah saya ini menyinggung. Walau bagaimanapun, saya beri jaminan, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat hendak berkata kepada Peguam Negara begitu. Saya percaya kepada demokrasi negara ini dan saya masih percaya kepada Kerajaan yang memerintah sekarang ini, walaupun saya tidak ada di dalamnya lagi. Ini tidak bererti yang saya hilang kepercayaan kepada demokrasi di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya kembali balik kepada teguran saya. Di sini saya hendak bertengkar besar dengan Peguam Negara iaitu menggunakan perkataan "Increased Penalties." Ini saya amatlah tidak bersetuju, bukan saya sahaja tidak bersetuju, saya yakin Peguam Negara sendiri pun tidak bersetuju, dan beliau akan pinda perkataan ini.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya bersetuju. Kalau tidak, saya tidak bawa Increased Penalties. Itu adalah anggapan Yang Berhormat dan anggapan itu salah. Saya terangkan di sini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Terima kasih, yang saya hendak katakan ini ialah apa yang ada di dalam hati dan tidak semua yang disebutkan itu sama dengan yang di dalam hati. Saya masih lagi membangkang ataupun membantah atau mengemukakan kepada Kerajaan perkataan Increased Penalties ini patutlah kita gantikan dengan perkataan yang lain. Sebab, pagi ini, saya kembali balik kepada usaha-usaha saya yang lama, kerja-kerja saya yang lama, saya masuk ke dalam library dan saya cuba membuka undang-undang, walaupun saya bukan orang ahli undang-undang, tetapi saya periksa dan tengok buku-buku jurisprudence kita tidak dapat apa yang disebutkan "Increased Penalties."

Yang saya maksudkan ini bukanlah Peguam Negara kita bersetuju atau tidak bersetuju dengan apa yang ditulis di sini. Kalau dia tidak bersetuju dengan apa yang ditulis di sini, kalau dia tidak bersetuju tentulah Rang Undang-undang ini tidak datang, tetapi apakah keadilannya tidaklah beliau menyatakan sesuatu kebenaran di dalam Dewan ini tentang menggunakan perkataan "Increased Penalties" ini dan apa salahnya kalau kita menggunakan perkataan yang lebih hampir dengan apa yang selalu digunakan di dalam perundangan yang Peguam Negara sendiri amat biasa di dalam perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan perkataan ini ialah bila kita menggunakan perkataan "Increased Penalties", ini menggambarkan bahawa Kerajaan kita tidak mempunyai ataupun kurang mempunyai dasar-dasar untuk mentadbirkan keadilan dan kita tidak mempunyai kebolehan yang cukup untuk mengadakan undang-undang "law of the land" dari satu masa ke satu masa untuk mencegah kejahatan. Apa yang ada pada kita ialah hanya kita menaikkan penalty meninggikan penalty lebih berat. Itu sahaja satu jalan yang memperbaiki keadaan umat kita, boleh membanyakkan lagi jalannya, sebab itu kita buang perkataan "Increased Penalties" dan digantikan dengan perkataan-perkataan yang lain. Sebab satu-satu perkataan yang digunakan oleh negara terhadap rakyatnya mencerminkan kebolehan Kerajaan pada satu-satu masa dan tentulah saya dengan Tuan Yang di-Pertua sendiri kalau boleh tidak mahu terlibat dengan suatu Kerajaan apabila anak cucu kita baca maka dia lebih "senyum" melihat undang-undang itu, lebih banyak daripada dia mengambil iktibar daripada undang-undang itu sendiri.

Akhirnya, saya menyokong lagi sekali apa yang dikatakan oleh sahabat saya Senator Datuk Nik Hassan iaitu masalah senjata ini bukanlah masalah negara kita sendiri sahaja dengan tidak ada kaitan dengan negara-negara lain. Kalau Peguam Negara kita dapat mengemukakan kepada Kerajaan supaya undang-undang ini dapat kita bersama-sama mengadakan undang-undang Sekatan, maka saya rasa ini ada lebih mujarab dan lebih menasabah kepada undang-undang yang ada di negeri ini. Ini, ialah kerana ada negeri-negeri yang senjata dijual pakai resit sahaja, tidak payah di-

minta kepada Kerajaan, cuma siapa yang hendak membeli dia pakai resit, begitu sahaja macam barang biasa, tetapi di negeri itu tidak pula teruk semacam negara kita ini, yang kita di sini tapis menapis pula. Maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebutkan. Saya sudah lapan tahun menjadi Ahli Yang Berhormat. Kalau tidak silap saya enam kali saya minta pistol, saya pun tidak tahu apa sebabnya, hendak dikatakan Peguam Negara ini sekat ataupun macam mana tidak dapat. (*Ketawa*) Saya kata begitulah maknanya, saya tidak tahu, saya tidak menuduh Peguam Negara. Saya bukan hendak menembak orang. Saya orang baik, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*) Saya seorang yang saya rasa, kalau tidak lebih baik daripada orang lainpun, dalam diri saya saya "the best of myself", tetapi tidak dapat. Kalaulah perkara ini dapat ditimbang dengan insaf saya haraplah selepas Dewan ini saya akan berjumpa Peguam Negara dan saya hendak satu pistol untuk diri saya, bukan untuk menembak orang, tetapi untuk menjaga keselamatan saya sendiri dan saya beri jaminan kepada Tuan Yang di-Pertua, bahawa saya well-versed dalam pakai pistol ini kerana saya ada certificate. Saya tahu menggunakannya dan barangkali kalau saya ajak lawan tembak musketry dengan Peguam Negara pun saya boleh beri 40 point dahulu daripada dia tembak.

5.13 p/g.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada tiap-tiap seorang yang telah memberikan sokongan kepada undang-undang ini dan memberi teguran-teguran yang membina yang akan ditimbang-kelak termasuk juga sahabat saya Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Hamzah, tetapi untuk saya merekomenkan atau menjaminkan dia untuk mendapatkan pistol, perkara itu boleh dan yang membimbangkan kalaulah dia membuat satu kesalahan, saya yang teruk kerana saya yang menjaminkannya dan yang keduanya, kerana dia lebih pakar menembak. Kalau dia dapat, saya susah pula kerana saya mesti tambah practice lebih pantas.

Walau bagaimanapun, saya mengucapkan kepadanya berbanyak terima kasih atas segala teguran-teguran yang dibawanya dan

juga Datuk Nik Hassan dalam perkara ini. Sebenarnya kita sudah ada undang-undang dahulu The Arms' Act, 1960. Undang-undang ini yang kekal yang selama-lamanya berjalan maka timbul masalah ini, bukan-masalah akan selama-lamanya jadi di negeri kita ini, boleh jadi satu masa kelak, tiga empat tahun akan datang mungkin kurang berlakunya apa yang berlaku pada hari ini rompakan yang sangat banyak yang menggunakan pistol. Apa cara hendak dikuatkan undang-undang; banyak cara lain yang sememang dijalankan. Dari tadbiran polis, kita bayar reward atau hadiah kepada orang yang memberitahu senjatapi, memberi dakyah kepada orang ramai, minta menyokong memberitahu siapa yang membawa senjata dan ditambah senjata kepada orang ramai supaya melindungi mereka itu. Itu satu daripada caranya. Kerajaan berfikir satu sahaja daripada cara yang boleh mengurangkan, boleh jadi kita hendak memberatkan hukuman dan menakutkan mereka itu. Undang-undang ini bukanlah boleh dikatakan almost a permanent law—bolehlah sementara. Boleh jadi permanent kalau benda ini selama-lamanya berlaku macam ini. Undang-undang yang ada, yang asal itu dahulu ialah undang-undang yang difikirkan kebanyakan semua negeri dalam dunia ini menjalankan hukuman yang layak, misalnya hukuman siapa yang tidak berlesen difine atau dijel. Itu luas. Hakim boleh memikirkan samada beri amaran sahaja pun boleh, didapati salah fine \$10.00 atau jel sampai tujuh tahun. Itu undang-undang yang lama, tetapi didapati dalam masa yang telah berlaku Hakim bukannya sama menjatuhkan hukum. Kadang-kadang kita mendengar, berasa tidak puas hati sedikit. Rakyat jelata bertanya kepada saya mengapa orang ini merompak dihukum tiga tahun, sebatpun tidak, padahal undang-undang kata sebat. Saya telah menjawab: Undang-undang kata boleh dihukum sebat, tetapi Hakim menghukumkan tidak hendak disebat. Apa kita hendak buat. Kalau dihakimkan oleh Hakim Besar tidak boleh diappeal. Itu sebabnya undang-undang baharu ini memaksa Hakim itu boleh menghukumkan sebat enam rotan. Inilah yang hendak diperbetulkan. Undang-undang yang baharu ini yang kita buat hendak menambahkan hukuman kepada Arms Act (Amendment). Kalau kita pindahkan undang-undang yang lama tidak boleh. Dibuat satu undang-

undang baharu dan dinamakan Arms Act juga, tetapi Arms' Act ini apa tujuannya—menambahkan hukuman. Saya sudah fikir dengan halus-halus bersama dengan pegawai-pegawai undang-undang di Jabatan saya. Itulah sebaik-baik huruf: Firearms (Increased Penalties) Act. Jadi orang ramai tahulah kesalahan membawa senjatapi dan hukumannya lebih berat, bermakna ada dua, samada hukuman di bawah ini atau yang lain. Memang undang-undang ini telahpun diluluskan, perkataan Firearms (Increased Penalties) Act, 1969 telahpun diluluskan dahulu, tetapi sekarang ini Yang Berhormat itu membangkitkan balik. Perkataan Increased Penalties itu ialah undang-undang lama—current law. Hari ini saya meminda Undang-undang Firearms (Increased Penalties) Act, bukan hendak menambahkan lagi. Itulah sebab-sebab yang dapat saya terangkan kepada Ahli Yang Berhormat itu mengapa kita menggunakan Firearms (Increased Penalties) Act, 1971 yang lama itu dan kandungannya tidak dipinda sampai sekarang.

Yang kedua, berkenaan dengan nama itu payah hendak mencari nama yang lebih tepat, tetapi kandungan di bawah itu tidak disebutkan, "Increased Penalties". Ini title. Tiap-tiap satu title undang-undang itu adakah dia menggambarkan kehendak tujuan undang-undang itu as a whole. Kalau kita fikirkan Firearms (Increased Penalties) Act boleh menggambarkan tujuan dan kandungan undang-undang ini walaupun tidak tepat. Itulah yang kita pakai. Kalau ada yang lain, cadangan yang bagus saya rela bila-bila masa kita boleh fikirkan dan timbangkan untuk mencari title yang lain, kalau ada Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Hamzah kemukakan pada saya kelak. Itulah yang dapat saya jawabkan dan saya mengucapkan terima kasih kepadanya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN TRENGGANU TENGAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.21 *ptg.*

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta bagi meminda Akta Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah (Pindaan) dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah adalah sebuah Lembaga yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memainkan peranan yang lebih positif dalam konteks rangka pembangunan wilayah seperti yang sedang dijalankan oleh Lembaga Pahang Tenggara dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara mengikut Akta Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah yang telah dikuatkuasa pada 1hb Mei, 1973. Ahli-ahli Lembaga adalah 5 orang ahli yang terdiri:

- (i) Seorang Pengerusi;
- (ii) Seorang Timbalan Pengerusi;
- (iii) Seorang wakil Kerajaan Persekutuan; dan
- (iv) Dua orang wakil Kerajaan Negeri.

Setelah setahun dilancarkan adalah didapati perlu bilangan ahli-ahli Lembaga ditambahkan dengan tujuan untuk mendapat sumbangan tambahan untuk menambahkan lagi kemajuan dan kejayaan Lembaga ini. Cadangan pindaan yang dikemukakan pada hari ini ialah untuk menambahkan ahli-ahli Lembaga Pengarah daripada 5 kepada 6. Oleh kerana pada masa ini terdapat hanya seorang sahaja wakil Kerajaan Persekutuan dalam Lembaga tersebut adalah difikirkan baik juga jika wakil-wakil Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan disamakan banyaknya iaitu dua orang bagi tiap-tiap Kerajaan. Pindaan yang dicadangkan pada hari ini ialah untuk menambahkan

seorang lagi wakil Kerajaan Persekutuan yang boleh dilantik menjadi ahli Lembaga tersebut.

Dengan pindaan dicadangkan itu, ahli-ahli Lembaga Pengarah akan menjadi enam orang iaitu terdiri daripada:

- (i) Seorang Pengerusi;
- (ii) Seorang Timbalan Pengerusi;
- (iii) Dua orang wakil Kerajaan Persekutuan; dan
- (iv) Dua orang wakil Kerajaan Negeri.

Setakat ini kemajuan yang telah dicapai oleh Lembaga ini adalah menggalakkan. Banyak permohonan untuk membuka kawasan-kawasan pertanian telahpun diterima dan agency-agency Kerajaan Persekutuan seperti FELDA, FELCRA, Persatuan Peladang dan lain-lain telahpun membuat rancangan-rancangan untuk mengadakan pembukaan tanah secara besar-besaran di kawasan itu. Bandar-bandar baru akan diadakan di beberapa kawasan yang akan ditentukan. Sebatang jalanraya dari Parit Jabur ke Jerangau akan dibina tidak lama lagi dan ini akan mendorong pembukaan tanah secara besar-besaran. Pada keseluruhannya kemajuan-kemajuan yang akan dicapai dalam kawasan Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah ini akan memberi dorongan yang besar kepada pembangunan negeri Trengganu seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Wong Seug Chow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.25 *ptg.*

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan. Saya suka memberi pendapat saya. Saya berharap kepada Lembaga ini janganlah semata-mata mengharapkan kawasan-kawasan yang ditetapkan itu semata-mata untuk bertanam kelapa sawit dan getah sahaja.

Saya difahamkan di kawasan itu banyak wolfram dan satu penyelidikan dan kajian patut dijalankan untuk mengeluarkan wolfram dari kawasan itu. Wolfram pada masa ini sangat-sangat mahal harganya dan kalau ini dapat dikeluarkan akan memberi hasil yang banyak pada Kerajaan Trengganu dan

juga memberi pekerjaan kepada orang-orang Trengganu sendiri. Saya harap Lembaga ini akan menerima cadangan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat pada sidang Senate yang lampau masa membahaskan Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah ini, rakan saya Yang Berhormat Senator Datuk Mansor ada menyebutkan iaitu tanah-tanah di kiri kanan jalan dari Kemaman hinggalah ke Trengganu banyak tanah-tanah kosong dan kita dapati banyak pokok-pokok janggus dan beliau minta Kerajaan memajukan tanah-tanah ini daripada terbiar begitu sahaja. Saya ulangi rancangan beliau itu, carilah satu jalan supaya tanah-tanah yang terbiar itu berbatu-batu panjangnya dapat mendatangkan hasil. Jikalau di kawasan Sahara Desert boleh mengeluarkan hasil, saya percaya tanah-tanah itu boleh juga mengeluarkan hasil. Saya berharap kepada Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah ini akan mencuba menyiasat tanah-tanah itu. Boleh jadi di dalam tanah itu ada minyak petrol atau juga bijih timah daripada terbiar sahaja. Orang pun tidak ada tinggal. Tidak ubah macam Sahara Desert, maka inilah pandangan saya. Manakan tahu, alam ini berubah-ubah Tuhan itu kaya dan berlaku sekehendaknya, boleh jadi, Tuhan sudah hantarkan minyak atau bijih timah ke tanah itu dan kita leka dengan tempat lain sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu ada satu syarikat telah memohon tanah di Jabur seluas 10,000 ekar dan sudahpun diluluskan permohonannya. Tujuan syarikat itu ialah untuk menternak lembu yang dibawa dari Australia dan syarikat itu sanggup membawa modal masuk ke Trengganu sebanyak S15 juta. Saya difahamkan lembu-lembu yang cantik itu dibawa dari Australia dan dibiakkan di tanah itu. Tujuan mereka ialah hendak menjual daging-daging lembu itu ke segala markets yang ada di Malaysia ini khasnya di supermarkets yang ada di Malaysia. Pada masa ini supermarkets yang ada sekarang mengambil daging dari Australia yang dipunyai oleh salah seorang yang akan menjadi penasihat syarikat yang akan ditubuhkan di Trengganu itu. Malangnya saya difahamkan permohonan syarikat itu telah ditolak. Alasannya saya difahamkan, bank statement tidak dapat ditunjukkan oleh penaja syarikat itu. Saya fikir perkara yang akan mendatangkan kekayaan pada negara kita khasnya negeri Trengganu tidak

patut Lembaga itu menolaknya. Sepatutnya panggil segala penaja syarikat itu bersama-sama dengan orang-orang Australia yang akan mengeluarkan modal yang begitu banyak. Seorang dari penasihat itu telahpun datang dari Australia menengok tanah itu. Beliau sangat-sangat suka menengok tanah di Jabur itu. Katanya serupa dengan tanah di Australia. Samalah bentuknya dan juga hawanya, tetapi apabila beliau pergi ke pejabat yang berkenaan, sambutan dingin beliau dapati. Pegawai-pegawai yang sebenarnya tidak dapat beliau temui dan itulah dari satu sebab ditolak. Walhal saya difahamkan segala borang-borang, gambar-gambar lembu ternakan itu, telah dikemukakan kepada Lembaga ini. Oleh sebab saya dapati tanah itu belum lagi diberikan pada sesiapa, haraplah Lembaga ini dapat menghubungi balik pengarah yang memohon tanah itu dan cuba siasat balik. Kita mahu rancangan-rancangan yang memberi faedah, kekayaan dan pekerjaan, pada orang-orang kita, tidak patut sekali-sekali ditolak.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah pandangan saya pada Bil ini dan saya menyokong untuk diluluskan.

5.30 ptg.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Senator Ibrahim Yaacob yang telah memberikan pandangan dan kalau boleh saya katakan sebagai teguran juga untuk dikemukakan kepada Lembaga ini. Bagaimanapun soal yang saya sebutkan dalam ucapan saya tadi memanglah Rancangan Trengganu Tengah yang luasnya 11 juta ekar itu pada siasatan yang pertama didapati 300,000 ekar adalah sesuai untuk rancangan pertanian seumpama tanaman getah, kelapa sawit dan sebagainya dan selebihnya itu tentulah ada gaung-guntung, gunung-ganang, bukit-bukau dan padang pasir sedikit seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Dan memang sekarang ini perusahaan menanam janggus telahpun dimulakan oleh pihak FIMA di Kuantan dan juga sedikit dekat Kemaman.

Adalah difahamkan padang pasir itu tidaklah serupa dengan padang pasir Sahara yang dikatakan itu memanglah sesuai, bukan

sahaja ditanam pokok janggus tetapi juga pokok kelapa boleh hidup dan boleh berbuah yang mendatangkan hasil.

Ahli Yang Berhormat mencadangkan sebuah syarikat untuk memelihara lembu saya percaya jika ada rancangan seumpama ini yang konkrit dan dikemukakan tentulah pihak Lembaga ini akan memberikan pertimbangan. Dan sekiranya rancangan ini telah ditolak, bolehlah Ahli Yang Berhormat itu menyampaikan kepada syarikat itu supaya mereka dapat memberikan satu kertas kerja yang lengkap yang boleh diterima oleh Lembaga ini kerana Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah ini sewaktu ditubuhkan dahulu adalah bermaksud untuk mengadakan sebanyak-banyaknya rancangan bagi bukan sahaja untuk kekayaan Negeri Trengganu tetapi juga untuk negara kita seluruhnya dan kita harap rancangan yang seumpama itu akan dapat memberikan banyak menafaat kepada rakyat negara kita ini dan juga untuk faedah anak-anak muda kita yang bakal mendapatkan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah pandangan saya dengan ringkas. Dengan itu, saya ucapkan berbilang terima kasih.

5.34 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan sedikit, Senator Ibrahim Yaacob mengatakan tadi suatu permohonan telah ditolak. Menteri berkenaan mengatakan eloklah dibawa balik bagi timbangan Lembaga. Saya suka hendak bertanya, sebab saya dengar banyak permohonan yang diterima, ada yang diterima dan ada yang ditolak. Saya tidak pernah meminta apa-apa kepada Lembaga itu. Ceritanya yang saya dengar banyak syarikat yang hendak menanam modal dalam kawasan Trengganu Tengah ini, siap dengan segala planning dengan working paper dan sebagainya, bila dibawa masuk, ditolak oleh Lembaga. Saya tak faham macam mana permohonan itu boleh ditolak, dan cara mana boleh diterima dan siapa yang boleh diberi pertimbangan. Adakah dalam undang-undang ini meliputi suatu kuasa apabila ditolak oleh Lembaga, boleh diappeal kepada suatu lembaga lain ataupun badan lain yang diuntukkan dalam undang-undang supaya ditimbang kembali. Apa-apa perkara yang ditolak oleh Lembaga ini. Kiranya ada, saya minta Menteri yang berkenaan menunjukkan apakah badan yang membolehkan menimbang appeal yang dibuat itu?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah ini adalah suatu Lembaga yang ditugaskan oleh Kerajaan untuk mencari jalan, memikirkan dan menimbang dengan sehalus-halusnya atas pembangunan-pembangunan, rancangan atau projek yang hendak dilancarkan di kawasan itu dan ia tidak pula merupakan satu appeal board, tetapi seperti saya katakan tadi kalau Senator Ibrahim Yaacob ingin mengemukakan hal itu, memang ada haknya mengemukakan rayuan balik kepada board itu, bukanlah satu board yang lain, kerana ini hak dia dan board itu boleh menimbang mengikut keadaan permintaan tersebut. Saya tidaklah tahu banyak seperti Senator Datuk Nik Hassan yang menyebutkan banyak permohonan telah ditolak. Itu adalah kuasa board itu sendiri. Tentulah ada polisi atau dasar yang ditentukannya dan peraturan-peraturan yang harus diikuti supaya permohonan itu dapat diluluskan atau ditimbang oleh pihak yang berkenaan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG (PERBADANAN) INSTITIUT NEGARA BAGI PENYELIDIKAN SAINS DAN PERUSAHAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.28 ptg.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Wong Seng Chow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang yang bertajuk "Akta (Perbadanan-Institusi Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan (Pindaan), 1974" dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda perenggan (e), (f) dan (g) di bawah Seksyen 6 (1) Akta (Perbadanan) Instituti Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan, 1971 berhubung keahlian Majlis Instituti Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan.

Pindaan-pindaan yang disyorkan ialah seperti di Seksyen 2 dalam Rang Undang-undang tersebut.

Pindaan-pindaan tersebut perlu dibuat kerana Kementerian-kementerian yang tersebut di perenggan (e), (f) dan (g) di bawah Seksyen 2 dalam Akta asal, iaitu Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan Kementerian Pertanian dan Tanah tidak ada lagi sekarang. Ini adalah berikutan dengan penyusunan semula Kabinet yang dibuat dalam tahun lalu yang melibatkan perubahan portfolio bagi beberapa orang Menteri dan juga perubahan nama-nama Kementerian.

Pindaan-pindaan yang disyorkan itu membolehkan Wakil-wakil Kementerian berkenaan menjadi Ahli Majlis itu jika sekalipun berlaku perubahan portfolio Menteri-menteri dan nama-nama Kementerian di masa akan datang.

Dalam hubungan ini saya suka menarik perhatian Dewan ini bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan supaya Instituti Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan (NISIR) dan Pusat Piawaian Malaysia (SIM) dicantumkan. Tindakan untuk mencantumkan Ajensi-ajensi ini sedang diambil dan dijangka akan mengambil masa. Oleh itu, Rang Undang-undang ini perlulah diluluskan kerana, jika tidak, urusan mengenai hal ehwal NISIR akan terganggu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.41 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang ini yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri Perhubungan.

Sebagaimana kita tahu Kerajaan kita sekarang telah membuat berbagai-bagai rancangan dan untuk memajukan rancangan-rancangan itu telah membuat berbagai-bagai badan untuk menyelidik supaya menambahkan pendapatan negara. Tetapi yang mendukacitakan, ada setengahnya yang agak saya fikir dipertinggikan tetapi dukacita yang agak rendah tidak dipertinggikan atau tidak dipersamakan. Maksud saya menyatakan demikian, sebagaimana penyelidikan sains, kita dapati hari ini Kerajaan kita telahpun menyelidiki perkara-perkara yang besar, kalaulah kita kata dari segi tanaman atau di segi apa-apa, di segi badan-badan yang besar dan sebagainya. Malang sekali kepada masyarakat luarbandar apatah lagi sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri yang berkenaan tadi harus diasingkan kerana penempatan semula Menteri yang berkenaan, jadi di sini amatlah ketinggalan kepada penduduk-penduduk luarbandar. Yang saya maksudkan tentang penyelidikan sains semacammana pendapat ataupun pemulihan-pemulihan di luarbandar.

Kita tahu pendapat-pendapat di luarbandar tidak kurang banyaknya sebagaimana pendapat-pendapat yang terdapat daripada pengusaha-pengusaha yang besar-besar sebagaimana yang saya maksudkan tanaman buah durian seperti di Perlis, tetapi hari ini saya dukacita tidak ada satu badan ataupun kalau ada satu badan yang berkenaan tidak menyelidik kepada keseluruhan kampung-kampung ataupun luarbandar yang mana tanaman-tanaman durian, rambutan yang amat banyak. Pendek kata kalaulah buah-buahan tadi, pokok-pokok buah-buahan tadi boleh dapat buah-buahan yang sekian banyak tetapi saya berpendapat kalaulah ada penyelidikan dan percantuman atau sebagainya, ini menambahkan kebaikan kepada penduduk-penduduk ataupun pemulihan kepada luarbandar.

Begitu juga saya berpendapat sebagai di Utara Malaysia satu daripada tumbuhan sebagaimana cendawan, cendawan boleh dikatakan satu makanan yang disukai oleh umum dan harus mendapat pasaran yang baik sebagai Pulau Pinang dan Perlis. Saya dapat tahu yang mana cendawan ini ataupun kata orang Perlis "ulat"—ia tumbuh daripada jerami-jerami yang basah. Saya berpendapat pihak badan penyelidikan ini

membuat kajian yang tersebut ini menambahkan pendapatan negara dan menambahkan hasil kerja-kerja kepada petani-petani khasnya orang luarbandar.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua.

5.43 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap panjang dalam Bil ini, saya menyokong Bil ini. Cuma saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, kalaulah dia tahu iaitu kalau hendak kira pada masa ini badan ini cuma baru dalam peringkat hendak bercantum di antara SIM dengan Institiut ini. Saya hendak bertanya apakah kerja-kerja yang telah dibuat oleh Institiut ini? Adakah Institiut ini telahpun menghantar orang-orang daripada Malaysia ini untuk dilatih menjadi scientist yang akan balik untuk bekerja dengan Institiut ini, ataupun apakah persediaan-persediaan atau planning-planing telah diatitkan oleh Institiut ini bagi pergerakan di masa hadapan.

Kalau kita cuma hendak mencantumkan SIM dengan Institiut Sains ini sahaja, saya rasa kalau setakat itu sahaja kerja yang telah dilakukan oleh Institiut ini, saya rasa sangatlah lemah dalam kerjanya dan kalau dapatlah Timbalan Menteri yang berkenaan beritahu ada berapa banyakkah Scientist yang telah diambil bekerja dengan Institiut ini untuk membuatkan kajian-kajian mengenai perkara-perkara yang diperlukan oleh negara kita. Kalau sekiranya tidak ada diambil, berapa banyak yang akan diambil ataupun yang telah dihantar untuk berlatih ataupun orang muda kita yang mempunyai kepandaian ilmu yang tinggi dalam Sains yang telah dihantar untuk menjadi bakal Scientist oleh Kerajaan kita. Ini yang perlu diketahui oleh negara pada hari ini.

5.45 ptg.

Tuan Wong Seng Chow: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan ribuan terima kasih ke atas teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini. Saya minta maafilah kepada Yang Berhormat Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya dan ucapannya akan saya sampaikan ke-

pada Menteri yang berkenaan dan kalau boleh bagi jawapan kepada Yang Berhormat sendiri.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak memberi penjelasan. Daripada jawapan Timbalan Menteri tadi, inilah saya suka hendak beritahu, inilah yang menjadi masalah bagi Dewan Negara ini. Masaalah Dewan Negara hari ini ialah masaalah tidak mendapat perhatian yang berat daripada Menteri-menteri dalam memberi jawapan-jawapan atau penerangan-penerangan kepada Dewan ini, padahal Dewan ini adalah satu Dewan Parlimen. Kalau Dewan Negara tidak mempunyai maklumat-maklumat yang terang, jadi mungkin satu hari Dewan Negara kekeliruan dengan Dewan Rakyat dan ada undang-undang yang ditahan oleh Dewan Negara kerana kurangnya pengetahuan daripada Menteri-menteri, yang hadir dalam Dewan ini.

Untuk penerangan, saya suka hendak memberitahu Ahli-ahli Dewan di sini orang yang sangat baik-baik, orang tua-tua yang sangat lemah-lembut, yang perasaannya sangatlah bertimbanggrasa. Perasaan yang seumpama ini berkehendakkan perasaan timbanggrasa daripada pihak Menteri supaya tidaklah berlaku salah faham di antara Menteri dengan Dewan ini.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi penjelasan bukan sahaja kepada Yang Berhormat Datuk Nik Hassan seorang tetapi kepada semua Ahli Dewan.

Tuan Wong Seng Chow: Tuan Yang di-Pertua, saya bolehlah berjanji bertanya kepada Menteri yang berkenaan memberi satu jawapan kepada tiap-tiap Ahli Yang Berhormat di Dewan ini yang membangkitkan perkara-perkara tersebut.

Atas cadangan-cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Shaari Jusoh, itu juga saya akan beritahu kepada Menteri yang berkenaan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

Rang Undang-undang ditibangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.52 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Jualan 1972 dibaca bagi kali yang kedua.

Sebagaimana yang dinyatakan dalam Huraian kepada Rang Undang-undang itu tujuan Rang Undang-undang ini ialah meminda beberapa peruntukan Akta Cukai Jualan, 1972 dengan bertujuan untuk memperbaiki pentadbiran cukai jualan dan juga kerja-kerja menguatkuasakan cukai tersebut. Pindaan-pindaan yang difikirkan penting ialah pindaan-pindaan kepada seksyen 13, 29 dan 43. Seksyen 13 dipinda untuk memasukkan seksyen baru 13A yang akan memberi peruntukan bagi penyerahan lesen cukai jualan jika seseorang yang kena cukai sebagaimana yang ditafsirkan dalam Akta Cukai Jualan, 1972 berhenti daripada berniaga. Suka saya menyatakan di sini bahawa lesen cukai jualan yang di maksudkan tadi dikeluarkan oleh Jabatan Kastam dengan tidak dikenakan apa-apa bayaran. Seksyen baharu ini juga akan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kastam melucutkan lesen bagi perkara yang saya sebutkan tadi dan juga perkara-perkara di mana seorang yang kena cukai (a) tidak mematuhi atau enggan mengeluarkan invois berkenaan dengan penjualannya sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 17; atau (b) enggan menyimpan rekod sebagaimana dikehendaki di bawah seksyen 18; atau (c) enggan menyerahkan penyata cukai jualan kepada Jabatan

Kastam; atau (d) enggan mengena dan mengutip cukai jualan sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 22. Dengan peruntukan baru ini Jabatan Kastam akan dapat menyimpan rekod yang baik dan yang "up-to-date" berkenaan dengan semua orang yang kena cukai untuk tujuan mengadakan pelaksanaan cukai jualan yang lebih sempurna dan lebih berkesan lagi.

Seksyen 20 juga akan dipinda supaya syarat-syarat yang dikenakan bagi sesuatu ambilan cukai jualan yang diberi berkaitan dengan barang-barang yang kemudian di-ekspot boleh dinyatakan dalam satu peraturan cukai jualan yang dibuat di bawah Akta Cukai Jualan. Seksyen 29 yang ada sekarang ini tidak memperuntukkan bagi tujuan tersebut. Seksyen ini hanya menyatakan bahawa syarat-syarat adalah sama dengan syarat-syarat yang diberi bagi ambilan cukai kastam di bawah Akta Cukai Kastam, 1967.

Di bawah seksyen 43, tidak ada hukuman yang diberi bagi kesalahan-kesalahan yang tersebut dalam seksyen ini seperti keengganan menyimpan rekod, keengganan mengeluarkan invois, keengganan mengena dan mengutip cukai jualan, keengganan menyerahkan penyata cukai jualan kepada Jabatan Kastam, keengganan menyerahkan rekod atau dokumen untuk pemeriksaan pegawai cukai jualan yang tertentu dan sebagainya. Hukuman yang diberi di bawah seksyen ini ialah hanya bagi kes-kes di mana keengganan atau perbuatan itu adalah di sebabkan oleh apa-apa tipuan atau kecuaiian yang sengaja. Adalah dicadangkan bahawa perkataan-perkataan "dan jika perbuatan atau hal tidak melakukan perbuatan itu disebabkan oleh apa-apa tipuan atau kecuaiian yang sengaja" di dalam seksyen itu dipotong supaya seorang yang kena cukai yang melakukan mana-mana kesalahan, di bawah seksyen ini boleh dikenakan hukuman sebagaimana yang diperuntukan di dalam seksyen ini.

Pindaan-pindaan lain kepada Akta Cukai Jualan seperti seksyen 2, 22(1), 26, 31(1), 44 dan 76 adalah kecil sahaja dan dibuat untuk memberi pengertian yang lebih tepat kepada seksyen-seksyen tersebut atau untuk memperbaiki pentadbiran cukai jualan.

Saya suka mengambil peluang ini untuk menerangkan konsep dan perjalanan cukai jualan kerana cukai ini nampaknya telah digunakan oleh setengah orang yang tidak bertanggungjawab, terutama sekali penjual-penjual runcit yang dipercayai telah menaikkan harga barang-barang terutama sekali barang-barang keperluan harian untuk membuat keuntungan yang berlebihan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedar bahawa cukai jualan yang dikuatkuasakan sekarang ini dikenakan atas semua barang-barang impot dan juga barang-barang buatan tempatan di peringkat impot ataupun di peringkat barang-barang itu dijual atau dilepas dengan cara-cara lain oleh pengilang, melainkan jika barang-barang itu dikecualikan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8 Akta Cukai Jualan. Kadar cukai ini ialah 5% bagi semua barang-barang melainkan emas, barang-barang kemas, minuman-minuman keras, rokok yang mana dikenakan kadar sebanyak 10%. Cukai jualan ini adalah seperingkat sahaja, iaitu dikenakan ke atas barang-barang siap di peringkat pengilangan. Dalam lain perkataan hanya pengilang sahaja mengena dan mengutip cukai bagi pihak Kerajaan. Seseorang penjual borong atau penjual runcit tidak harus mengutip cukai atas barang-barang yang dijual kepada pengguna-pengguna melainkan dia sendiri ialah seorang pengilang yang telah mendapat lesen daripada Jabatan Kastam dan Eksais. Oleh itu, di bawah sistem ini cukai itu telahpun dimasukkan dalam harga tiap-tiap barang semasa dijual oleh pengilang-pengilang itu sendiri. Cukai yang termasuk di dalam harga barang-barang itu mungkin berjumlah sepenuhnya atau sebahagian sahaja bergantung kepada kemampuan pengilang-pengilang untuk menyerapnya.

Adalah diperingatkan di sini bahawa bukan semua pengilang-pengilang dikehendaki mengena dan mengutip cukai jualan. Pengilang-pengilang yang dikehendaki mengena dan mengutip cukai jualan adalah pengilang-pengilang yang mana nilai jualan mereka melebihi daripada \$20,000 setahun. Oleh itu, pengilang-pengilang kecil yang mempunyai nilai jualan kurang daripada \$20,000 setahun adalah dikecualikan daripada kehendak itu, tetapi mereka dikehendaki mengambil sijil pengecualian yang mana diberi dengan percuma. Begitu juga

pengilang-pengilang yang membuat barang-barang bercukai dengan menggunakan bahan-bahan orang lain seperti tukang jahit adalah dikecualikan daripada kehendak itu jika bayaran-bayaran yang diterima oleh mereka daripada pekerjaan tersebut tidak melebihi \$4,000 setahun.

Saya suka menerangkan di sini barang-barang diperkilangan sahaja, sebagaimana yang ditafsirkan di bawah seksyen 2 dalam Akta, dikenakan cukai jualan. Barang-barang yang tidak diperkilang seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan buah-buahan tidak termasuk dalam bidang Akta itu, dan oleh itu tidak dikenakan cukai jualan. Sekiranya harga barang-barang ini naik, adalah jelas bahawa kenaikan itu bukan disebabkan oleh cukai jualan tetapi sebab-sebab lain seperti faktor-faktor musim dan cuaca. Walau bagaimanapun, ada barang-barang yang diperkilang yang difikirkan perlu untuk kegunaan hari-hari. Barang-barang ini semuanya telah dikecualikan daripada cukai jualan. Ada sebanyak 620 jenis barang-barang tersebut termasuklah barang-barang yang telah saya sebutkan tadi. Jika jenis-jenis ini dipecahkan lagi jumlahnya akan menjadi lebih besar. Secara kasar barang-barang ini termasuk minyak masak, gula, garam, minyak tanah, minyak disel, minyak petrol, semua jenis ubat, baja, setengah barang-barang binaan termasuk batu-bata dan simen, buku, suratkhbar dan majallah-majallah dan juga alat-alat sukan. Butir-butir penuh mengenai barang-barang tersebut adalah terkandung dalam Perintah Cukai Jualan (Pengecualian), 1972-P.U.(A) 53 bertarikh 29hb Februari 1972, seperti yang dipinda. Jika sekiranya harga barang-barang ini telah naik, adalah juga jelas bahawa kenaikan ini bukan disebabkan oleh cukai jualan kerana barang-barang itu telahpun dikecualikan daripada cukai tersebut, tetapi oleh sebab-sebab lain seperti inflasi. Sebagai contoh, sekiranya Kerajaan telah tidak memberi subsidi ke atas gula, tepung, beras, minyak petrol, disel dan minyak tanah, harga barang-barang tersebut yang mana dikecualikan daripada cukai jualan mungkin naik lebih tinggi lagi daripada paras harga yang ada sekarang.

Saya telahpun menerangkan tadi secara mendalam ciri-ciri penting cukai itu untuk menunjukkan bahawa ianya ialah cukai seperingkat. Barangkali ada kemungkinan juga

bahawa barang-barang tersebut yang dikenakan cukai telah meningkat tetapi memandang-bahawa cukai jualan ialah hanya 5% bagi kebanyakan barang-barang maka adalah tidak benar bahawa inflasi atau kenaikan harga barang-barang yang sekarang meningkat lebih kurang 20% telah disebabkan oleh cukai jualan ini. Saya patut menyatakan juga bahawa kadar 5% yang ada sekarang ini sebenarnya ialah suatu kadar yang paling rendah sekali dalam negara-negara Asia pada hari ini, jika tidak pun dalam dunia dan sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kenaikan harga barang-barang ada dihadapi oleh negara-negara lain di seluruh dunia.

Saya suka juga meyakinkan bahawa Kerajaan melalui sistem penyampaiannya sedang melancarkan satu kempen publisiti untuk menerangkan kepada rakyat perjalanan dan pelaksanaan cukai jualan yang sebenarnya untuk mencegah pihak peniaga daripada mengambil kesempatan daripada cukai ini untuk membuat keuntungan bagi kepentingan diri mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Wong Seng Chow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.05 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini dan saya suka hendak bercakap pendek sahaja beberapa patah mengenai Rang Undang-undang ini.

Saya faham Rang Undang-undang ini ialah satu perkara yang telah lama dipersoalkan oleh Ahli-ahli perniagaan dan perusahaan di dalam negara kita ini. Satu Rang Undang-undang yang menjadi masalah yang timbul dari ahli-ahli perusahaan terutamanya berkenaan dengan harga barang jualan mereka. Sungguhpun kita adakan undang-undang yang teratur dan kemas dan kita pinda lagi untuk mengemaskan lagi tetapi pada faham saya masih lagi perusahaan-perusahaan ini boleh melarikan cukai jualan itu dengan cara-cara, kaedah-kaedah dia sendiri yang mana bagi pihak Pejabat Cukai Jualan ataupun bagi pihak

Perbendaharaan susah hendak buat bagi mendapatkan benar-benar angka cukai jualan yang boleh dikutip daripada pengusaha-pengusaha ini.

Saya lebih suka kalau sekiranya tidak menjadi keberatan bagi Kerajaan satu perkara yang menjadi persoalan yang seumpama ini kita hapuskan sahaja cukai jualan ini. Saya suka hendak memberi sebab apa kita hapuskan. Yang pertama sekali tiap-tiap barang yang dikeluarkan dalam negara kita ini ataupun yang dibawa masuk daripada luar untuk dijual barang-barang itu dikenakan cukai jualan dari peringkat pengusaha atau pembawa masuk. Apabila barang ini difikirkan oleh Kerajaan mustahak yang tidak patut dikenakan cukai jualan. Kerajaan beri pula pertimbangan boleh dikecualikan daripada cukai jualan, tidak payah bayar cukai jualan.

Penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu bahawa tidak kurang daripada 620 jenis barang yang telah dikecualikan daripada cukai jualan sedangkan kalau dipecah-pecahkan lebih banyak lagi jenis-jenis yang dikecualikan daripada cukai jualan. Kalau begini banyaknya jenis barang-barang yang dikecualikan dan saya faham makin kita berkembang makin banyak permohonan untuk kecualikan daripada cukai jualan ini. Saya rasa barangkali tidak banyak mana Kerajaan dapat mengutip hasil daripada cukai jualan ini, tambahan hasil cukai jualan ini cuma 5% sahaja. Kalau 5% cukai jualan dan banyak pula pengecualian yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada bahan-bahan yang dijual itu bermakna berapa sangat yang Kerajaan dapat terima daripada hasil cukai jualan ini. Kalaulah hasil yang diterima daripada cukai jualan ini tidak begitu banyak kenapa yang kita mesti jadikan satu masalah dalam negara kita ini untuk mengenakan cukai jualan? Kalau dapat kita hapuskan sahaja cukai jualan ini sebagai satu hadiah kepada rakyat dapat membeli barang dengan harga yang lebih murah dan kita tekankan pengusaha-pengusaha ini. Sekarang Kerajaan sudah potong cukai jualan, bersihkan daripada kena cukai jualan maka kamu mesti turunkan harga barang-barang itu sekurang-kurangnya 5% supaya tidak diberatkan kepada pembeli-pembeli. Ini ialah satu masalah lama satu penyakit yang telah diperbincangkan begitu lama, barangkali saya ulangkan sahaja tetapi saya rasa

dengan banyaknya jenis barang-barang yang kita kecualikan dan dengan sedikitnya cukai jualan yang kita dapat saya rasa ada baiknya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan hapuskan sahaja cukai jualan ini.

6.10 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan dan juga pendapat yang dikemukakan oleh Datuk Nik Hassan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sama-sama tahu yang Kerajaan kita akan mencari wang untuk menjadi kegunaan kepada negara. Walau bagaimanapun kita sama-sama tahu Kerajaan kita telah memberi subsidi banyak kepada rakyat yang mana tujuannya untuk menolong rakyat kalau tidak silap saya ialah kepada rakyat yang terlampau susah dan ini juga disuruh oleh ugama kita, kalau ada orang susah patut kita tolong sebab patutlah Jabatan Kebajikan Masyarakat pun mengadakan tujuan yang demikian. Dan dengan sebab itu juga saya suka mengesyorkan sebagaimana kata Datuk Nik Hassan tadi, saya sokong 100% di samping mengesyorkan satu lagi.

Yang di-Pertua, kita hidup ini saya katakan dalam Dewan yang mulia ini juga ada yang jadi keperluan yang wajib, ada yang menjadi keperluan yang sunnat, kerana adat dunia ini tiap-tiap cara hidup pun semacam cara adat pun semacam, ada wajib dan ada sunnat. Begitu jugalah keperluan kepada manusia. Saya ibaratkan benda yang wajib mencari makan. Makan tidak kira kaya atau miskin, mesti mahu makan dan minum. Tetapi ada perkara-perkara yang sunnat seperti pakaian yang mahal-mahal, minuman-minuman yang tidak patut, apatah lagi minuman-minuman yang memabukkan. Selain daripada yang tidak begitu wajib harus ditambah pula dengan mabuk. Dengan sebab itu, saya ucapkan sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini di samping benda-benda yang wajib yang tiap-tiap orang kena

makan, kalau tidak makan kena lapar dan kalau lapar harus benda-benda yang teruk akan berlaku dengan tidak kira kaya atau miskin, kecuali perut sepertimana kata Datuk Nik Hassan tadi. Pada perkara-perkara yang tidak begitu wajib tambahan pula diharamkan sebagai cukai minuman keras, cukai judi dan cukai lain macam judi empat ekor dan sebagainya kalau sekadar yang ada pada hari ini cukai 10% dan sebagainya, saya fikir tidak mencukupi. Sekurang-kurangnya hendaklah 30%.

6.13 ptg.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, masalah di hadapan kita ialah pindaan kepada Akta Cukai Jualan yang semenjak beberapa tahun yang lalu telahpun dibahaskan dengan hangat. Sesudah melalui pengalaman-pengalaman di Dewan ini, juga pernah mendengar sungutan-sungutan yang telah ditimbulkan dan saya sendiri sudah bertahun meminta supaya cukai ini dihapuskan sama sekali. Baru sebentar tadi kita telah mendengar ucapan Yang Berhormat Datuk Nik Hassan dan juga Yang Berhormat Encik Shaari Jusoh yang mempunyai nada yang sama yang bererti Dewan ini menolak Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak mahu mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang dari item ke itemnya oleh sebab pada keseluruhannya pada pendapat saya seperti yang pernah saya jelaskan cukai jualan tidak perlu diadakan. England misalnya mengadakan Purchase Tax atau Cukai Belian, itupun dilaksanakan di waktu perang, tidak dilaksanakan di semua masa.

Kerajaan mempunyai berbagai-bagai jalan bagi mendapatkan tambahan cukai samada direct atau indirect. Cukai jualan ini satu cukai indirect yang sangat merumitkan, cerewet, menyusahkan.

Seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa cukai jualan ini kena kepada pengilang-pengilang. Tetapi sekarang ini seseorang yang menjadi

ejen daripada kilang, dia hendak distribute barang, dia juga mengatakan harga itu akan termasuk dengan cukai jualan tetapi bil (invoice) yang dihantar tidak sebut 5% cukai jualan. Ianya sudah termasuk (included) dalam itu. Seorang hamba Allah yang membeli ini kononnya dikenakan cukai jualan. Jadi dia pun kena tambah harganya. Harga sebenarnya cukai jualan dia sudah bayar. Saya tidak fikir Kerajaan dapat cukai jualan ini. Apatah lagi seperti yang pernah saya bayangkan di sini: kepada tukang emas yang kecil-kecil misalnya, dia kena bayar cukai, emas, dia beli, bayar cukai jualan upah kerja yang dia buat, kena pula cukai jualan, dan dia mesti mencari seorang kerani pula, menyiapkan (total) bil (invoice) semua sekali, kemudahan isi pula borang kastam. Kalau terlewat sedikit, atau kalau duit terpakai dahulu kerana dia dapat overdraft daripada bank, kelamkabut pegawai-pegawai yang berkenaan tekan dia, duit ini hendak diserahkan. Ini duit Kerajaan. Cukup cerewet. Saya kira dengan tidak pавah menambah penjelasan sebab saya rasa dalam belanjawan (budget) dahulu saya telah memberi agak detil tentang beberapa peringkat yang menambah harga barang oleh kerana cukai jualan bertambah-tambah, jadi tidak perlu saya ulang dalam Dewan yang mulia ini kerana Hansard kita masih ada lagi. Saya rasa Kerajaan patut mengambil suatu perhatian yang cukup berat, kaji semula dan hapuskan cukai jualan. Carilah jalan lain yang tidak cerewet untuk mendapatkan cukai seperti biasa direct atau indirect.

6.16 ptg.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan rakan saya Yang Berhormat Datuk Nik Hassan. Saya pun berfikir adalah lebih sesuai kita hapuskan cukai jualan ini sungguhpun Kerajaan kita ada mendapat tambahan cukai ini pada tahun 1973.

Mengikut lapuran Bank Negara ada ter-sebut pada muka 66 seperti berikut:

“The substantial growth in private consumption in 1973 causes revenue from the sales tax to rise substantially by 91.8% or \$106 million to \$220 million”.

Ini menunjukkan cukai itu telah bertambah tinggi juga. Sungguhpun begitu, dasar Kerajaan ialah untuk mengurangkan inflasi. Inilah satu cukai yang kena indirectly kepada barang-barang yang orang gunakan dan kalau kita hapuskan cukai jualan ini, Kerajaan boleh membantu melawan atau fight against inflation to some extent.

(*Dengan izin*) Sir, this is not a tax that can be easily enforced. Even though it is a single-stage tax in this country, it tends to have multiple effects at different levels; it goes down the line and it has the tendency to increase the prices of the products against which the sales tax is levied. As the Report of Bank Negara clearly states, on the one hand, because of the substantial increase in the private consumption, the sales tax has increased. If there is no sales tax, certainly it would help further increase private consumption, particularly in those areas which would help the public.

It is true that the Government has been fighting the inflation by introducing subsidies by removing import duties. But in addition to these moves, I think one of the effective ways of reducing the rigour of inflation to a large extent is by removing the sales tax that has been introduced for the past few years. In fact, it is an unpopular indirect tax. Many countries, though they have it in different forms either in the nature of purchase tax or sales tax, have found that it is difficult to enforce it and they have removed it: they have repealed it or reduced it to a very minimal extent. So, in this country we have carried on for a number of years without sales tax and our commodity prices have increased substantially during the last year and the tendency of these prices being maintained is evident. In the light of this picture, the Government is likely to get adequate revenue from export duties, from the increased prices of these commodities. Therefore, if a tax such as the sales tax, which is an indirect tax and which is likely to affect the cost of living of the ordinary people, even though some of the essential

goods have been exempted from the tax, is removed. I think it will certainly help the people by and large from the point of view reducing the ill-effects of inflation.

6.23 *ptg.*

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya sendiri berasa hairan terutama sekali kedudukan orang-orang kampung dan juga penjual-penjualnya kerana mereka itu tidak tahu yang mana tidak dikenakan Sales Tax dan yang mana dikenakan Sales Tax. Umpamanya, kain dikenakan Sales Tax. Semua manusia samada di Malaysia mahu pun di seluruh dunia menggunakan kain. Kebanyakan orang-orang miskin terkena Sales Tax. Tetapi siman yang tak digunakan atau tak dipakai oleh orang kampung atau jauh daripada bandar tidak dikenakan Sales Tax. Jadi siapa yang susah? Melainkan yang menderita, yang susah ialah orang yang terkena Sales Tax. Maka telah sampailah masanya jikalau kita salah jalan, balikkah ke pangkal jalan dan menengokkan keadaan kedudukan orang-orang kampung yang sangat susah maka patutlah dihapuskan sama sekali cukai Sales Tax ini. Sebabnya kalau Sales Tax ini dikenakan kepada orang kaya sahaja, lainlah soalnya, tetapi ianya terkena kepada semua manusia yang duduk di Malaysia ini. Tetapi orang yang kena Sales Tax tak tahu mana barang-barang yang dijual yang kena Sales Tax atau tidak bahkan orang yang menjual di kampung-kampung itu pun tak tahu bahawa barang itu kena Sales Tax. Katanya semua kena. Jadi terpedayalah orang-orang kampung dan orang-orang yang membeli serta orang yang menjual. Bila dia pergi ke pekan dia sendiri pun tak tahu yang Sales Tax itu termasuk ke dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir patutlah kita fikirkan halus-halus atas perkara ini, sebab tidak berapa lama lagi kita akan menghadapi pilihanraya, maka ini adalah satu perkara yang lebih besar dan patut kita kaji. Barangkali percakapan saya ini boleh

digelakkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi sebaliknya akan menikam Kerajaan Perikatan pada masa akan datang, kerana kita mesti faham bahawa pengundi-pengundi yang kebanyakannya di kampung-kampung bukan di bandar-bandar, yang berjuta-juta akan mengundi dan berhak sebagaimana orang-orang di bandar. Tetapi bagi mereka yang mengerti berkenaan Sales Tax ini ialah orang-orang yang tinggal di bandar-bandar. Orang-orang kampung seperti yang saya katakan tadi tak mengerti berkenaan dengan Sales Tax.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan akan mengambil perhatian yang berat berkenaan dengan hal ini sebelum ianya merebak ke seluruh negara. Sekianlah sahaja, saya ucapkan terima kasih.

6.26 *ptg.*

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak hendak bercakap berkenaan dengan perkara ini kerana sudah diluluskan di Dewan Rakyat. Tetapi di Dewan Negara ini nampaknya pandangan agak berlainan sedikit kerana Dewan ini ialah Dewan orang tua-tua, dan fikirannya pun tua, lebih mirip kepada menimbangkan kepentingan orang ramai di kampung-kampung, maka timbullah fikiran-fikiran yang disebutkan tadi. Kerajaan patut menimbangkan semula supaya cukai yang seperti ini dihapuskan.

Walaupun Rang Undang-undang ini akan diterima juga oleh Dewan ini kerana biasanya begitulah, tetapi tidaklah boleh Kerajaan atau sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri memandang perkara ini satu hal yang ringan. Sebab ini kita pikul ramai-ramai, manakala Undang-undang ini telah dikuatkuasakan dan sekarang ini ditambah, ditokok, dibaiki dan sebagainya. Maka akibat daripada undang-undang ini masih lagi dirasakan oleh rakyat, bukan sahaja rakyat telahpun membayar cukai-cukai tambahan, tetapi ditambah lagi dengan inflasi yang ada sekarang. Maka penyakit ini dilonggokkan kepada para

Menteri. Menteri Perikatan. Menteri Kerajaan, inilah yang membuat segala undang-undang yang menyusahkan rakyat.

Kami daripada Dewan orang tua-tua ini kasihankan juga kepada Yang Berhormat Menteri-menteri kami manakala sampai tuduhan seperti ini oleh kerana itu, kami bukanlah menentang Bill ini, tetapi menasihatkan supaya disemak semula apakah sudah sampai waktunya patut cukai-cukai yang seperti ini dihapuskan sahaja, sebab yang akan untung bukan rakyat, yang akan untung ialah orang-tengah. Seperti saya kata, rakyat tak ada list sebab Yang Berhormat Menteri kata ada banyak nama-nama yang hendak dihafal, mereka tak hafal, sedangkan Ujud, Khidam yang 20 perkara itupun tidak terhafal (*Ketawa*). Apatah lagi list yang panjangnya 20 depa. Saya rasa ini menyusahkan rakyat yang

mana kena yang mana tidak kena. Menteri kena berjalan tiap-tiap kampung beri kursus. Kami pun tak hafal benda ini yang mana satu kena yang mana satu tidak. Barangkali Tuan Yang di-Pertua pun ada yang tak ingat benda mana yang kena dan yang mana tidak kena, sebab begitu complicated. Oleh itu, saya rasa elok ditimbangkan semula, carilah cukai-cukai yang tidak menyakitkan dan mudah-mudahan dengan cara menimbang semula ini kita yang hendak berhadapan dengan rakyat ini pun senang juga menjawab apa-apa perkara yang timbul kemudian daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 20hb Mei, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.